

# BAB I

## LATARBELAKANG SEJARAH PATANI DAN PEMIKIRAN POLITIK ISLAM

### Sejarah Awal

Dari sudut persejarahan Negeri Patani memiliki sejarah yang cukup lama, jauh lebih lama daripada sejarah kerajaan-kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>1</sup> Patani telah lama wujud sebagai sebuah kerajaan yang agung dan maju dalam pelbagai bidang.<sup>2</sup>

Terdapat bukti-bukti yang menunjukkan kerajaan Melayu purba bernama Langkasuka telah diasaskan sekitar kurun pertama masihi.<sup>3</sup> Paul Wheatley menyatakan bahawa Langkasuka terletak di Patani sekarang. Pendapat beliau dikuatkan dengan temuan kepingan batu-batu purba peninggalan kerajaan Langkasuka di daerah Jering dan Pujud.<sup>4</sup>

Kerajaan lama ini menguasai satu kawasan yang luas di sekitar Segenting Kra dan di kawasan di mana Patani sekarang berada.<sup>5</sup> Ini dijelaskan dalam sumber-sumber Cina sekitar kurun ke-6 seperti *Lang-ya-hsiu* yang merekodkan bahawa telah wujud sebuah

<sup>1</sup> Mohd. Zamberi A. Malek, *Patani Dalam Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur : DBP, 1994), hlm. 12.

<sup>2</sup> Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik* (Shah Alam : Penerbit Hizbi, 1993), hlm.12.

<sup>3</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam* (Alor Setar : Pustaka Darul Salam, 2000), hlm. 4. Beliau menyatakan sebuah kerajaan tua di bahagian Selatan Atas Thailand bernama *Tambarlinga* turut wujud waktu itu. Kerajaan ini dikatakan sebuah kerajaan yang berpengaruh sekitar kurun ke-12. Langkasuka pula merupakan kerajaan yang dari segi geografinya terletak di wilayah Selatan Bawah.

<sup>4</sup> Paul Wheatley, *The Golden Chersonese, Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula Before A.D. 1500* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 1966), hlm. 30.

<sup>5</sup> Lukman Thaib, *The Politics and Governments of South East Asia* (Kuala Lumpur : Golden Books Center), hlm. 92.

kerajaan yang telah diasaskan 400 sebelum itu.<sup>6</sup> Turut dinyatakan dari sumber yang sama bahawa kerajaan tersebut merupakan sebuah kerajaan yang makmur dan ramai penduduknya.<sup>7</sup> Ia dikatakan kaya dengan hasil perlombongan dan pertanian. Kerajaan ini wujud selama hampir 1,000 tahun dan mempunyai jajahan<sup>8</sup> yang meliputi Songkhla dan negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu seperti Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perak.<sup>9</sup>

Sejarah lama Patani turut merujuk kepada kerajaan Melayu tua berpengaruh Hindu-India bernama Langkasuka ini sebagaimana dikatakan oleh Paul Wheatley.<sup>9</sup> Roland Braddle turut menyatakan bahawa kawasan timur Langkasuka meliputi daerah pantai timur Semenanjung, mulai dari Senggora, Patani, Kelantan sampai ke Terengganu, termasuk juga kawasan sebelah utara negeri Kedah.<sup>10</sup>

Kawasan ini telah didatangi pedagang dari Arab, India dan China sejak sebelum masehi lagi.<sup>11</sup> Seorang pengembara China menyebutkan bahawa ketika kedatangannya ke Langkasuka pada tahun 200 masehi, ia mendapati negeri itu telah lama dibuka.<sup>12</sup> Sebelum menjadi sebuah negeri Islam, Langkasuka waktu itu terkenal sebagai kerajaan Hindu

<sup>6</sup> Lukman Thaib, *The Politics and Governments*, hlm. 24-25. Lihat juga Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu* (Petaling Jaya : Al-Rahmaniah, 1997), hlm. 6.

<sup>7</sup> Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu*, hlm. 5.

<sup>8</sup> Ibid., hlm. 6.

<sup>9</sup> Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. xx.

<sup>10</sup> Roland Braddle, “Notes on Ancient Times in Malaya”, *JMBRAS*, Jilid 23, Bhg. 1, 1950, hlm. 1-35. Lihat juga Mohamad Dahlan Mansoer, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal* (Kuala Lumpur : DBP, 1979).

<sup>11</sup> Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 5.

<sup>12</sup> Ibid., hlm. 2. Sumber terawal dari China menyebut bahawa Lang-ya-Hsiu dikatakan muncul sekitar kurun ke-2 Masihi atau sekitar 100 Masihi.

Brahma.<sup>13</sup> Rajanya yang terkenal adalah *Bhagadatta* yang telah membuat hubungan diplomatik dengan kerajaan China pada tahun 515 M.<sup>14</sup> Ketika kerajaan Sriwijaya berjaya menakluki Nakhon Sri Thammarat (sekarang Ligor di Thailand) pada 775 M dan kemudian mengembangkan kekuasaannya ke selatan (Patani), penduduk Patani mula meninggalkan agama Hindu dan memeluk Buddha.<sup>15</sup> Sebuah berhala Buddha zaman Sriwijaya yang ditemui dalam gua Wad Tham di daerah Yala membuktikan transmisi pertukaran agama dari Hindu ke Buddha.<sup>16</sup>

Ketika di bawah pengaruh Sriwijaya inilah Patani mulai menampakkan kemajuan, dengan penduduk yang ramai serta menjadi sebuah kerajaan yang terkenal. Hasil negeri Patani pada waktu itu banyak berdasarkan pertanian dan perniagaan. Beberapa pengetahuan bernilai seperti teknik membajak dan berdagang diterima oleh orang Patani dari orang Jawa. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa kerajaan Sriwijaya inilah yang membawa dan mengembangkan bahasa Melayu ke Patani. Nilai usti yang tinggi yang diberikan pada setiap tahun kepada kerajaan Sriwijaya menunjukkan bahawa Patani ketika itu amat kaya dan makmur.

---

<sup>13</sup> Walau bagaimanapun peralihan dari nama Langkasuka ke Patani adalah tidak jelas. Lihat Abdul Halim bin Saad, et.al., "Patani Darus Salam" dlm. *Malaysia Kita* (Kuala Lumpur : INTAN, 1991), hlm. 239. Untuk perbincangan lanjut berkaitan kerajaan-kerajaan Hindu di Asia Tenggara waktu itu, lihat George Coedes. *The Indianized States of Southeast Asia* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 1968).

<sup>14</sup> George Coedes, *The Indianized States*, hlm. 51.

<sup>15</sup> Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 8.

<sup>16</sup> Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, *Arkeologi Pra-Islam Pesisir Selat Melaka Evolusi atau Migrasi* (Bangi : Penerbit UKM, 1999) hlm. 29-30. Berdasarkan penulisan ahli arkeologi Prof. Nik Hassan Shuhaimi, terdapat bukti bahawa kawasan tersebut mempunyai kaitan dengan Srivijaya kerana tulisan yang dijumpai di Ligor merupakan tulisan Srivijaya dinasti Sailendra bertarikh 775 M. Terdapat juga arca *Āvalokitesvara* yang dijumpai di Sathingpra (selatan Thailand) yang ada kaitan dengan pengaruh dan hubungan dengan Srivijaya.

Dalam pada itu, terdapat sebuah kerajaan bernama Tambaralinga.<sup>17</sup> Kerajaan ini dikatakan wujud sekitar kurun ke-11 hingga ke-13 dan terletak di sebelah utara Langkasuka. Ibu kotanya terletak di Chai'ya atau di Wieng Sra.<sup>18</sup> Tambaralinga berkembang menjadi pusat agama Buddha-Theravada. Raja Tambaralinga yang paling agung ialah Dharmaraja Chadrabaru (1230-1294). Kekuatan kerajaan ini pada zaman Chadrabaru dapat dilihat menerusi kemampuannya menyerang Ceylon (Sri Lanka) sebanyak dua kali. Serangan pertama pada tahun 1247 bertujuan untuk mendapatkan patung Buddha. Mereka berjaya menakluki utara Ceylon dan Raja Chadrabaru melantik puteranya sebagai gabenor wilayah. Kerajaan ini menjadi lemah apabila Raja Selatan India, Sundra Padya menyerang utara Sri Lanka pada tahun 1270. Serangan balas yang dilakukan pada tahun 1271 tidak berjaya menewaskan Sundra Padya.<sup>19</sup> Kerajaan ini lenyap apabila orang-orang Thai menyerang Tambaralinga pada tahun 1294. Selepas itu wilyah ini dikenali sebagai Ligor dan kemudiannya dinamakan Muang Nakhon Sri Thammarat.<sup>20</sup>

Abdul Rahman Abdullah berpendapat selepas lenyapnya nama Langkasuka, wujud sebuah kerajaan bernama Wurawari yang membawa maksud air jernih. Adalah dipercayai bahawa Raja Bharubhasa dari Langkasuka terpaksa menyerahkan kekuasaannya kepada Thai pada tahun 1345. Baginda telah berundur dan mendirikan kerajaan di Kelantan. Apabila angkatan tentera Gajah Mada berjaya mengalahkan tentera Thai di Temasik pada tahun 1536, baginda mengambil kesempatan untuk menyerang tentera Thai di Langkasuka. Menerusi serangan tersebut, Raja Bharubhasa berjaya merampas semula Kota Mahligai.

<sup>17</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 4. Terdapat pelbagai versi nama kerajaan ini. Ia turut dikenali sebagai Tambaralingam (Bali), Tamralinga (Sanskrit), Madamalinggam (Tamil), Tamaling (China) dan Nakhon Sri Thammarat (mengambil sempena nama raja yang memerintah).

<sup>18</sup> Ibid.

<sup>19</sup> Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara*, hlm. 7.

<sup>20</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 4.

Menurut rekod, nama Langkasuka ditukar terlebih dahulu kepada Wurawari antara tahun 1357-1398.<sup>21</sup>

Terdapat dua pendapat berkenaan penubuhan Patani. Di dalam buku sejarah Kedah, *Hikayat Merong Mahawangsa*, ada menyebutkan bahawa negeri Langkasuka diasaskan oleh orang-orang dari Kedah.<sup>22</sup> Dalam pada itu, *Phongsawadun Muang Patani* atau *Hikayat Patani* menyatakan seorang raja bernama Phya Tu Nakpa dari Kota Mahligai bertanggungjawab mengasaskan negeri ini.<sup>23</sup>

Ibrahim Syukri turut menyokong versi Kota Mahligai ini. Beliau menyatakan bahawa seorang raja dari Kota Mahligai tersebut telah membangunkan sebuah kampung pinggir pantai yang kecil ke sebuah pelabuhan yang besar dan sibuk hingga mengorbankan kemakmuran kota itu sendiri. Akhirnya, Kota Mahligai telah ditinggalkan kerana aktiviti perdagangan lebih tertumpu kepada pelabuhan yang baru. Kawasan atau pelabuhan baru itulah dikenali dengan nama Patani.<sup>24</sup>

Terdapat dua pendapat berkenan nama Patani. Buku *Sejarah Melayu* umpamanya menyatakan kisah Chao Sri Bangsa atau Raja Rama membuka negeri yang dihuni oleh

---

<sup>21</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara, Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam* (Kuala Lumpur : Utusan Publications, 2000), hlm. 312.

<sup>22</sup> W.K. Che Man, *Muslim Separatism The Moros of Southern Phillipines and the Malays of Southern Thailand* (Singapura : Oxford University Press, 1990), hlm. 32.

<sup>23</sup> Lukman Thaib, *The Politics and Governments*, hlm. 93. Lihat juga Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara*, hlm. 313. Phya Tu Nak Pa merupakan putera Phya Tu Krub Mahajana yang memerintah Kota Mahligai.

<sup>24</sup> Ibrahim Syukri, terj. Conner Bailey dan John N. Miksic, *History of the Malay Kingdom of Patani* (Ohio : Center for International Studies, Ohio University, 1985), hlm. 14. Tidak dapat dipastikan tarikh sebenar secara tepat berkenaan dengan peristiwa ini. Menurut Lukman Thaib, penulisan Tome Pires menyatakan wilayah tersebut telah wujud sejak 1370. Sementara itu, pelayar-pelayar masih merujuk wilayah ini sebagai Langkasuka semasa pelayaran Laksamana Cheng-ho sekitar tahun 1403. Lihat Lukman Thaib, *The Politics and Governments*, hlm. 93.

seorang nelayan tua bernama Pak Tani. Nama beliaulah menjadi asas nama Patani.<sup>25</sup> Ini disokong oleh Abdul Ghani Yaa'kub yang menyatakan bahawa nama Patani dikatakan lahir hasil gabungan dua perkataan Melayu iaitu 'Pak' dan 'Tani' atau Petani.<sup>26</sup> Penceritaan lisan tempatan pula menyatakan bahawa nama negara patani berdasarkan sebutan 'pantai ini' yang dalam dialek Kelantan disebut 'pata-ni'.<sup>27</sup>

## Kedatangan Islam

Agak rumit untuk membincangkan tarikh permulaan Islam di Patani. Begitu juga dengan nama tokoh yang mengIslamkan Raja Patani. Terdapat pendapat yang mengatakan Islam telah sampai ke Kepulauan Melayu seawal kurun pertama Hijrah atau kurun ketujuh Masihi lagi.<sup>28</sup> Berdasarkan teori-teori kedatangan Islam, tidak diketahui dengan pasti tarikh yang tepat Patani menerima Islam.<sup>29</sup> Menurut Teeuw dan Wyatt dan W.K Che Man, dapat disimpulkan bahawa Patani menjadi negeri Islam pada 1357.<sup>30</sup>

---

<sup>25</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara*, hlm. 313. Lihat juga W.K. Che Man, *Muslim Separatism*, hlm. 32.

<sup>26</sup> Abdul Ghani Ya'kub, "Alam Melayu wal Aqliyyat al-Islamiyyah", Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM Petaling Jaya (t.c.), 1997, hlm. 23.

<sup>27</sup> Ibid.

<sup>28</sup> Mahayudin Haji Yahya, *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: DBP, 1998), hlm. 13. Pada pendapat beliau Islam telah sampai ke daerah utara Sumatera pada ketika itu dan kerajaan Islam yang pertama ialah Perlak yang diasaskan oleh orang Arab sekitar tahun 840 Masihi.

<sup>29</sup> Ismail Hamid, "A Survey of Theories on the Introducion of Islam in the Malay Archipelago", *Islamic Studies*, Vol. 21, Autumm, No. 3, 1982, hlm. 89-100. Lihat juga Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara*, hlm. 53-69.

<sup>30</sup> Andries Teeuw dan David K. Wyatt, *The Story of Patani* (The Hague : Martinus Nijhoff, 1970), hlm. 222. Lihat juga W.K. Che Man, *Muslim Separatism*, hlm. 32. Dalam temuramah dengan Dr. Abdul Ghani Yaa'kub pada 14 Mac 1997, beliau menyatakan bahawa kerajaan Patani ini diasaskan sekitar kurun ke-10. Beliau turut menyatakan bahawa Raja Patani memeluk Islam sekitar tahun 1350 dan memakai gelaran Sultan Ismail Shah.

Berdasarkan sumber Melayu, para pendakwah Islam merupakan orang-orang Arab yang datang terus dari Tanah Arab. Mereka inilah dikatakan bertanggungjawab mengislamkan pemerintah-pemerintah tempatan.<sup>31</sup> Berdasarkan teori ini, kemungkinan besar Raja Patani diislamkan oleh seorang pendakwah dari Tanah Arab. Penelukan Raja Patani ke dalam Islam boleh diibaratkan sebagai sebuah cerita yang menarik seperti yang tertulis dalam sumber-sumber sejarah hikayat.<sup>32</sup> Dikisahkan pada waktu itu Patani diperintah oleh Raja Phya Tu Nakpa. Raja tersebut dikatakan menderita sakit yang serius.<sup>33</sup> Baginda dihikayatkan menderita sakit ‘merkah’.<sup>34</sup> Baginda telah mendapat berita berkenaan seorang bernama Sheikh Said yang beragama Islam.<sup>35</sup> Beliau dikatakan mampu menyembuhkan penyakit tersebut. Sheikh Said dikatakan sanggup mengubati penyakit Raja

---

<sup>31</sup> Mohammad Redzuan Othman, *The Middle Eastern Influence On The Religious and Political Thought in Malay Society, 1880-1940*, Tesis Ph.D. , University of Edinburgh, 1994, hlm. 44.

<sup>32</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara* (Kuala Lumpur : Teks Publishing, 1988), hlm. 280.

<sup>33</sup> Adalah dipercayai bahawa penyakit yang dihidapi oleh Raja Patani ini merupakan penyakit kusta. Lihat Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 44. Untuk maklumat lanjut, rujuk Teeuw dan Wyatt, *The Story of Patani*, hlm. 148-152.

<sup>34</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara*, hlm. 295.

<sup>35</sup> Terdapat beberapa versi dan ejaan yang berbeza berkenaan nama tokoh yang bertanggungjawab mengislamkan Raja Patani itu . Sebagai contoh dinyatakan Tuan Sheikh Syafialudin dalam Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom*, hlm. 16; Sheikh Said disebut dalam Teeuw dan Wyatt, *The History of Patani*, hlm. 68-69 dan 149; Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 31 dan Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulamá Besar Dari Patani* (Bangi : Penerbit UKM, 2001), hlm. 16; Nama Shyakh Said tercatat dalam Hasan Madmarn, *The Pondok and Madrasah in Patani* (Bangi : Penerbit UKM, 1999), hlm. 14. Dalam W.K. Che Man, *Muslim Separatism*, hlm. 34, tercatat bahawa pendakwah Islam yang menyembuhkan Sultan Patani bernama Sheikh Said atau Safi-uddin. Abdul Rahman Abdullah dalam *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara*, hlm.313, menyatakan bahawa Syaikh Said al-Barsisa (seorang ulamá' dari Pasai) berjaya mengislamkan baginda pada tahun 1457. Mohd. Zamberi A. Malek pula menjelaskan bahawa terdapat tiga ulamá bersahabat yang bertanggungjawab menyebarkan agama Islam di sana. Mereka merupakan Sheikh Said al-Barsisa atau Tok Pasai, Sheikh Shaf ad-Din al-'Abasi dan Sheikh Gombak Abdul al-Mubin. Sheikh Said merupakan ulamá yang bertanggungjawab menyedarkan Raja Patani supaya memeluk Islam. Lihat Mohd. Zamberi Abdul Malek, *Wadi al-Hussein Fatani : Masjid Kayu Terindah* (Bangi : Penerbit UKM, 2001), hlm. 21.

Patani dengan syarat jika sembuh dari sakitnya maka Raja harus memeluk Islam.<sup>36</sup> Namun Raja Phya Tu Nakpa telah memungkiri janji setelah baginda sembuh dan menyebabkan baginda kembali sakit. Kejadian ini berulang sebanyak tiga kali. Pada kali ketiga inilah Raja sedar akan kesilapannya dan berjanji tidak akan memungkiri janjinya lagi. Setelah Raja sembuh dari sakitnya, beliau bersama keluarga dan pembesar istana memeluk Islam. Raja Phya Tu Nakpa telah menukar nama sebagai Sultan Ismail Shah. Sejak peristiwa itu, Islam mulai berkembang dan pengaruh Hindu-Budha mulai berkurang, lemah dan akhirnya hilang dari Patani.<sup>37</sup>

Raja Phya Tu Nakpa atau nama Islamnya Sultan Ismail Shah dianggap pengasas negeri Patani. Beliaulah yang bertanggungjawab menukar nama kerajaan lama menjadi *Patani* yang bererti ‘Pantai Ini’.<sup>38</sup> Adalah dihikayatkan baginda secara kebetulan sampai ke suatu tempat yang indah dan sesuai untuk dijadikan negeri di tepi pantai. Riwayat lain mengatakan *Patani* berasal dari kata ‘Pak Tani’, sempena nama seorang nelayan yang baik budi pekertinya dan menjadi ketua kepada para nelayan di sebuah perkampungan pinggir pantai yang ditemui oleh Raja ketika beliau mencari lokasi negeri baru.<sup>39</sup> Setelah berpindah ke Patani, Patani menjadi lebih ramai dan oleh karena lokasinya yang baik, tempat baru ini menjadi makmur dan mewah. Patani menjadi tarikan para pedagang dari timur seperti Jepun, China, Thai dan Eropah.<sup>40</sup> Tercatat pada 1516 kapal dagang Portugis singgah

<sup>36</sup> Mohd. Zamberi Abdul Malek, *Wadi al-Hussein*, hlm. 31.

<sup>37</sup> Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara*, hlm. 313. Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa Islam telah bertapak di Patani seawal tahun 1150. Setelah berkembang selama 300, barulah Islam diterima oleh pemerintah.

<sup>38</sup> Lihat t.p., “Hilangnya Sebuah Negeri Islam Melayu”, <http://www.pulo.org/pulo/hilangnya.htm>.

<sup>39</sup> Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom*, hlm. 14.

<sup>40</sup> Virginia Matheson dan M.B. Hooker, “Jawi Literature in Patani : The Maintenance of An Islamic Tradition”, *JMBRAS*, Vol. 61, Part 1, No. 254, 1988, hlm. 6.

pertama kalinya di pelabuhan Patani. Pinto, seorang saudagar dan penjelajah dari Portugis menyatakan:

"Pada masa saya datang ke Patani dalam tahun itu saya telah berjumpa hampir-hampir 300 orang Portugis yang tinggal di dalam pelabuhan Patani. Selain dari Portugis didapati juga bangsa-bangsa timur seperti Siam, China dan Jepun. Orang-orang Jepun besar juga perniagaannya di pelabuhan ini."<sup>41</sup>

Dalam pendapat yang lain pula, Muhammad Yusoff Hashim menyatakan nama Patani diberi oleh seorang raja bernama Chao Seri Bangsa.<sup>42</sup> Baginda dikatakan berjanji untuk memeluk Islam jika Kota Mahligai berjaya dikalahkan. Apabila perkara tersebut menjadi kenyataan, baginda telah memeluk Islam dan menghantar wakil baginda bernama Ukon Pola ke Melaka untuk memohon tauliah keabsahan.<sup>43</sup> Sultan Mahmud telah berkenan untuk menganugerahkan watikah tersebut serta memberi gelaran pemerintah Patani dengan nama Sultan Ahmad Shah.<sup>44</sup> Kerajaan Patani kekal dinaungi oleh Melaka sehingga kejatuhan Melaka pada tahun 1511.<sup>45</sup>

<sup>41</sup> t.p., "Hilangnya Sebuah Negeri Islam Melayu", <http://www.pulo.org/pulo/hilangnya.htm>.

<sup>42</sup> Muhammad Yusoff Hashim, terj. D.J. Muzaffar Tate, *The Malay Sultanate of Malacca* (Kuala Lumpur : DBP, 1992) hlm. 39.

<sup>43</sup> Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 1994), hlm. 2.

<sup>44</sup> Muhammad Yusoff Hashim, *The Malay Sultanate of Malacca*, hlm. 39. Buku ini tidak menyatakan tarikh atau tahun sebenar peristiwa tersebut. Bagaimanapun, disebut dinyatakan bahawa dari tahun 1488 hingga 1511, Sultan Mahmud bertanggungjawab menjamin keselamatan dan kemakmuran kerajaan-kerajaan kecil di bawah naungan kerajaan Melayu Melaka.

<sup>45</sup> Khoo Kay Kim, "The Melaka Sultanate : Internal Administration and Control of Its Empire", *Jurnal Sejarah*, No. 4, 1996, hlm. 41. Melaka merupakan sebuah empayar yang rajanya digelar 'King Among Kings'.

## **Hubungan Awal Dengan Thai**

Kerajaan-kerajaan awal Patani dan Thai telah berhubung sejak kurun ke-13.<sup>46</sup> Hubungan awal Islam dan orang-orang Thai bermula seawal tahun 1250.<sup>47</sup> Dikatakan pedagang beragama Islam dari India datang ke Sukhotai untuk bermiaga. Apabila ibu negara orang Thai berpindah ke Ayutthya pada tahun 1350, para pedagang Arab, Parsi dan Melayu mula datang berdagang dan ada yang berkahwin dengan wanita tempatan. Malah, terdapat orang Islam berbangsa Melayu dan India dilantik sebagai pegawai dalam tentera Thai waktu itu.<sup>48</sup>

Apabila kerajaan Ayudhya menggantikan kerajaan Sukhotai, hubungan politik dengan Patani telah diteruskan dan bertambah rapat.<sup>49</sup> Ini dibuktikan apabila Raja Ayudhya, Raja Borommaracha I (1370-1388) telah mengambil anak perempuan seorang pembesar utama Patani sebagai gundik. Pembesar Patani berkenaan dikatakan bertanggungjawab mengetuai tentera Thai yang menghalau Parameswara dari Singapura pada tahun 1398.<sup>50</sup>

---

<sup>46</sup> Orang-orang Thai dikatakan mula berhijrah dari kawasan selatan China seawal kurun pertama masih. Pada awalnya mereka membina kawasan pentadbiran kecil di kawasan utara Thailand seperti Chiang Saen, Chiang Rai dan Chiang Mai. Sedikit demi sedikit mereka mula membesarkan wilayah mereka dan akhirnya berjaya mendominasi kawasan sekitar Semenanjung Indochina. Kerajaan-kerajaan dinasti Thai mula muncul. Bermula dengan Sukhothai (1238-1350), Ayutthaya (1350-1767), Thonburi (1767-1782) dan Rattanakosin (1782-hingga ke hari ini). Untuk maklumat lanjut, rujuk P.B. Lafont, peny., *Semenanjung Indochina Suatu Pengenalan* (Kuala Lumpur : DBP, 1996). Maklumat ringkas juga boleh didapati dengan melayari laman web *Nation Online –Thailand*. Lihat di bawah topik ‘History’, <http://www1.thaimain.org/en/intro/history.html>.

<sup>47</sup> RISEAP, *Muslim Almanac Asia Pacific* (Kuala Lumpur : Berita Publishing, 1996), hlm. 208.

<sup>48</sup> Bagaimanapun, Dikri Diraja pada tahun 1774 melarang semua orang Thai memeluk agama Islam dan Kristian. Penganut-penganut baru akan dikenakan hukuman bunuh.

<sup>49</sup> Abdul Halim bin Saad, et.al., “Patani Darus Salam”, hlm. 239.

<sup>50</sup> Ibid., hlm. 240.

Suasana hubungan aman dengan kerajaan Ayudhya ini membolehkan Patani berkembang menjadi kuasa ekonomi yang makmur. Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis, Patani telah mengambil alih kuasa perdagangan maritim hingga pada tahun 1530-an dan 1540-an.<sup>51</sup>

Selepas kemangkatan Sultan Ismail Shah, putera baginda telah ditabah menjadi sultan dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah. Baginda telah meneruskan kemajuan negerinya dan sering melakukan lawatan ke kerajaan-kerajaan berdekatan seperti Melaka dan Ayudhya. Namun dalam lawatan ke Ayudhya, baginda telah dilayan dengan buruk oleh Raja Thai.<sup>52</sup> Raja Thai merasakan kedudukannya lebih tinggi daripada Sultan Patani.<sup>53</sup>

Sultan Muzaffar merasa amat terhina di atas layanan buruk Raja Thai. Apabila kerajaan Ayudhya diserang oleh orang-orang Burma pada tahun 1563, Sultan Muzaffar Shah bersama adinda baginda Mansur Shah telah memanfaatkan kesempatan ini untuk menyerang orang-orang Thai. Sebanyak 200 buah kapal perang dan ribuan tentera telah dikerah untuk menyerang Thai. Ini menyebabkan beberapa wilayah-wilayah Thai jatuh ke tangan Sultan Muzaffar pada penghujung tahun tersebut.<sup>54</sup>

---

<sup>51</sup> Ibid., hlm. 240.

<sup>52</sup> Untuk perbincangan lanjut berkenaan kerajaan Ayutthya, lihat Charnvit Kasetsiri, *The Rise of Ayudhya : A History of Siam in the Fourteenth and Fifteenth Centuries* (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1976) dan Phra Sarasas, *My Country Thailand : Its History, Geography and Civilisation* (Bangkok : penerbit tidak dinyatakan, 1960).

<sup>53</sup> Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom*, hlm. 20.

<sup>54</sup> Ibid., hlm. 20. Peristiwa serangan ke atas Ayutthya juga diceritakan dengan panjang lebar dalam Teeuw dan Wyatt, *The Story of Patani*, hlm. 154-161.

Walau bagaimanapun, Sultan Muzaffar telah meninggal secara tiba-tiba di muara Sungai Chao Phraya pada tahun 1564 dan dimakamkan di sana.<sup>55</sup> Sebelum meninggal dunia, baginda mewasiatkan takhta kekuasaan kepada adindanya, Sultan Mansur Shah. Diriwayatkan bahawa amanat ini dilakukan kerana hingga ke akhir hayatnya Sultan Muzaffar tidak mengetahui bahawa permaisurinya sedang hamil.<sup>56</sup> Sekalipun Sultan Muzaffar mempunyai anak dari selirnya iaitu Pengiran Bambang, namun dalam tradisi pewarisan takhta di kerajaan Melayu tidak mengiktiraf calon raja dari anak berketurunan ‘selir’.<sup>57</sup> Ini membolehkan Sultan Mansur Shah dilantik menjadi Sultan Patani yang baru dan memerintah antara 1564 hingga 1572.

Sebelum meninggal pada tahun 1572, Sultan Mansur Shah telah mewasiatkan agar anak saudaranya yang merupakan anak Sultan Muzaffar Shah dilantik menggantikan baginda.<sup>58</sup> Namun perlantikan ini menimbulkan kebencian dan kedengkian dari Pengiran Bambang yang merupakan anak raja dari keturunan ‘selir’. Ahli sejarah mengatakan bahawa peristiwa ini merupakan titik awal perselisihan dan perebutan kekuasaan dalam istana. Tahun 1573-1584 merupakan tahun-tahun penuh gejolak bagi kesultanan Patani. Tercatat perebutan kuasa sebanyak dua kali yang mengakibatkan pembunuhan yang

---

<sup>55</sup> Untuk salasilah Kerajaan Melayu Patani, lihat t.p. “Ringkasan Sejarah Melayu Patani : Summary of the History of the Kingdom of Malay Patani”, *PULO*, <http://www.pulo.org>.

<sup>56</sup> A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang* (Bangkok : Panel Penyelidikan Angkatan al-Fatani, 1977), hlm. 13. Menurut pendapat, semasa baginda berada di Ayuthya, pemaisuri yang sedang hamil telah melahirkan seorang putera. Putera tersebut diberi nama Patik Siam mengambil sempena tempat mangkatnya ayahanda baginda.

<sup>57</sup> Lihat t.p., “Hilangnya Sebuah Negeri Islam Melayu”. Anak selir membawa maksud ‘anak hasil hubungan raja dengan gundik atau isteri tidak rasmi’. Lihat Noresah Baharom ,et.al., *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (Kuala Lumpur : DBP, 2000), hlm. 1222. Dalam erti kata lain, anak raja yang bukan dari pemaisuri baginda.

<sup>58</sup> Putera Sultan Muzaffar Shah yang berusia 10 tahun waktu itu merupakan pewaris sah kesultanan Patani.

semuanya melibatkan anak-anak selir.<sup>59</sup> Tempoh ini digelar “Zaman Bertumpah Darah Dalam Istana”.<sup>60</sup>

## Kegemilangan dan Kemererosotan

Patani mencapai zaman keemasannya ketika diperintah oleh empat orang Ratu iaitu Ratu Hijau (1584-1616), Ratu Biru (1616-1624), Ratu Ungu (1624-1635) dan Ratu Kuning (1635-1651).<sup>61</sup> Zaman awal pemerintahan ratu-ratu ini juga menyaksikan satu keadaan di mana Patani kembali menjalinkan hubungan yang baik dengan Ayudhya. Ratu-ratu Patani telah diberikan pangkat Thai, *Phra Nang Cau Ying* atau dari istilah Melayu *Raja Nang Cayang*.<sup>62</sup> Perhubungan baik ini bertambah ketara ketika zaman pemerintahan Ratu Biru. Ketika itu, Raja Kuning telah berkahwin dengan Okphaya Decu yang merupakan seorang putera Raja Nakhon Si Thammarat.<sup>63</sup>

Pemerintahan ratu-ratu merupakan detik-detik kegemilangan dan kemakmuran kerajaan Patani.<sup>64</sup> Kekuasaannya meluas hingga ke Kelantan, Terengganu dan Pahang sehingga terkenal dengan nama Negeri Patani Besar atau Patani Raya. Selain Johor, tidak ada negeri lain di sebelah timur Semenanjung Tanah Melayu yang memiliki kemakmuran

<sup>59</sup> Mohd. Zamperi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 42-44. Tempoh ini menyaksikan pemerintahan singkat Sultan Patik Siam (1572-1573) dan Sultan Bahadur Syah (1573-1584).

<sup>60</sup> A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang*, hlm. 14.

<sup>61</sup> Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom*, hlm. 38.

<sup>62</sup> Abdul Halim bin Saad et.al, “Patani Darul Salam”, hlm. 241.

<sup>63</sup> Ibid.

<sup>64</sup> Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom of Patani*, hlm. 73.

dan kekuatan sehebat Patani pada waktu itu.<sup>65</sup> Malah Ratu Ungu telah berkahwin dengan Sultan Pahang, Sultan Abdul Ghafur Muhyiaddin Syah (1590-1614).<sup>66</sup>

Hubungan dengan Ayudhya mulai renggang selepas kematian Raja Song Tham pada tahun 1628. Raja Patani waktu itu, Ratu Ungu enggan menggunakan gelaran *Phra-Cao* yang diberi oleh Thai. Malah, baginda mengarahkan agar Raja Kuning dikahwinkan dengan Sultan Johor.<sup>67</sup> Ini menyebabkan tercetusnya perang antara Patani dan kerajaan Ayudhya pada tahun 1632.

Kekuatan negeri Patani tergambar dari kemampuannya mematahkan empat kali serangan orang-orang Thai pada 1603, 1632, 1634 dan 1638.<sup>68</sup> Patani memiliki 3 buah meriam besar yang sangat masyhur dinamakan Seri Negara, Seri Patani dan Mahalela. Dari segi ketenteraan, kerajaan ini mampu mengerahkan 180,000 pasukan tentera yang terlatih serta kerahan tenaga seramai 10,000 orang.<sup>69</sup> Ini diperkuatkan lagi dengan sebuah kubu yang kukuh dikenali dengan nama Benteng Raja Biru.<sup>70</sup>

Bagaimanapun, kejayaan ini hanya bertahan selama 67 tahun. Kemangkatan Ratu Kuning pada tahun 1651, Patani mengalami proses kemerosotan secara politik, ketenteraan dan ekonomi. Ini disebabkan Ratu Kuning tidak meninggalkan pengganti yang berwibawa. Lanjutan daripada itu, berlaku konflik antara pembesar dan menyebabkan keadaan negeri

<sup>65</sup> Mohd. Zamperi A. Malek, *Patani Dalam Tamadun Melayu*, hlm. 3. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara*, hlm. 284.

<sup>66</sup> Abdul Halim bin Saad, et.al., "Patani Darul Salam", hlm. 241.

<sup>67</sup> Ibid., hlm. 242.

<sup>68</sup> Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom*, hlm. 36.

<sup>69</sup> Mohd. Zamperi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 77.

<sup>70</sup> Ibrahim Syukri, *History of the Malay Kingdom*, hlm. 36.

menjadi huru-hara.<sup>71</sup> Situasi ini menyebabkan para pedagang asing memindahkan perniagaan mereka dan menyebabkan hasil kerajaan berkurangan.<sup>72</sup>

Patani hanya menampakkan kemajuan ketika dipimpin oleh Raja Sakti I dan Raja Bahar yang mampu menyatukan Senggora (Songkla) dan Pethalung. Namun, pada akhir kurun ke-17 ini Patani mulai kehilangan era keemasannya. Wilayah-wilayah gabungan yang membentuk Patani Besar ini mula memisahkan diri.<sup>73</sup> Perang yang terakhir yang melibatkan Patani - Thai terjadi pada 1638. Sejak dari itu, tiada konflik ketenteraan yang ketara melibatkan kedua-dua kuasa di bahagian selatan untuk beberapa ketika.<sup>74</sup>

Kekuatan politik dan daya tarikan pelabuhannya sebagai pusat dagang utama juga semakin merosot, seiring dengan kemunculan pusat-pusat perdagangan baru sekitar Selat Melaka, Selat Sunda, Laut Jawa, Laut Sulu dan utara Semenanjung Tanah Melayu seperti Johor, Melaka, Aceh, Banten dan Batavia (Jakarta).<sup>75</sup> Sebagai negara maritim, ekonomi Patani sangat bergantung pada perniagaan dan perdagangan. Kemerosotannya pada bidang ini telah menyebabkan ekonomi Patani jatuh. Boleh dikatakan sejak awal kurun ke-18, pelabuhan Patani hanya menjadi tempat persinggahan sahaja. Ia tidak lagi dianggap pusat perdagangan dan perniagaan yang penting. Ini ditambah dengan faktor ketidakstabilan

<sup>71</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 19.

<sup>72</sup> A. Teeuw dan D.K. Wyatt, *The History of Patani*, hlm. 72. Lihat juga halaman 94 dalam buku yang sama.

<sup>73</sup> Wilayah-wilayah dalam gabungan Patani Besar meliputi Kelantan, Trengganu, Patani Awal, Senggora dan Pethalung. Siam atau Thai ketika itu sedang berperang dengan Burma. Sedikit sebanyak peperangan tersebut menjelaskan ekonomi Patani yang sudah sedia lemah. Lihat Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani* (Bangi : Penerbit UKM, 1999), hlm.19.

<sup>74</sup> Apierat Samail, Politik dan Islam di Narathiwat, Thailand 1970-1980, Tesis Sarjana Universiti Malaya, hlm. 14.

<sup>75</sup> Sivachandralingam Sundararaja, *Perdagangan dan Pelabuhan Bebas. Sejarah dan Perkembangannya* (Shah Alam : Fajar Bakti, 1997), hlm. 137.

politik, perpecahan wilayah dan krisis pucuk pimpinan, maka lengkaplah Patani menjadi "Orang Sakit di Semenanjung Melayu".

Lebih malang lagi ketika Patani merosot, Thai di bawah pimpinan Phya Taksin kembali gagah terutamanya selepas pembinaan kota Bangkok pada tahun 1782.<sup>76</sup> Orang-orang Thai mula bangkit dan berjaya mengusir Burma dari seluruh wilayah Thai. Keinginan untuk mendapatkan pengiktirafan kekuasaan menyebabkan orang-orang Thai melancarkan pelbagai ekspedisi ketenteraan.<sup>77</sup> Kelemahan kerajaan Patani menyebabkan orang Thai mengambil kesempatan ini untuk menyerang Patani pada tahun 1785.<sup>78</sup> Serangan hebat Thai ini berjaya mengalahkan Patani di mana Sultan Mahmud yang memerintah ketika itu telah mangkat di medan perang.<sup>79</sup> Akibatnya, orang Thai telah melantik Tengku Lamidin sebagai pemerintah Patani yang baru.<sup>80</sup> Untuk mengukuhkan hubungan antara Thai dan Patani, Raja Rama I telah menganugerahkan gelaran 'Phraya Vichitpakdi Srisurawongse' kepada Raja Patani.<sup>81</sup>

<sup>76</sup> Virginia Matheson dan M.B. Hooker, "Jawi Literature in Patani", hlm. 6.

<sup>77</sup> Nantawan Haemindra. "The Problem of the Thai-Muslims in the Four Southern Provinces of Thailand," *JSEAS*, Vol. 8 No. 1, March 1977, hlm. 200.

<sup>78</sup> Uthai Dulyakasem, "The Emergence and Escalation of Ethnic Nationalism : The Case of the Muslim Malays in Southern Siam", dlm. Taufik Abdullah & Sharon Siddique (peny.) . *Islam and Society in Southeast Asia* (Singapura : ISEAS, 1986), hlm. 211. Serangan ini diketuai oleh Putera Mahkota Thai. Ekspedisi ketenteraan ini dilancarkan terhadap kawasan-kawasan bebas di selatan termasuk Kelantan dan Terengganu. Lihat juga Apierat Samail, *Politik dan Islam di Narathiwat*, hlm. 15.

<sup>79</sup> A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang*, hlm. 32. Orang-orang Thai berjaya mendapatkan pengiktirafan yang diinginkan dari kawasan-kawasan telah dikalahkan. Nantawan Haemindra, "The Problem of the Thai-Muslims", hlm. 199-201 turut membincangkan secara menyeluruh berkenaan dengan aspek ini.

<sup>80</sup> A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang*, hlm. 33. Lihat juga Nik Anuar Nik Mahmud, *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*, hlm. 20.

<sup>81</sup> Apierat Samail, *Politik dan Islam*, hlm. 14.

Tempoh 46 tahun selepas itu menyaksikan orang-orang Patani terpaksa mempertahankan wilayah mereka dari serangan Thai sebanyak lima kali iaitu 1786, 1789, 1791, 1808 dan 1832. Dalam peperangan ini , tentera Thai telah berjaya membakar kota Patani dan memusnahkan kubu-kubu pertahanan tentera Patani yang utama. Tentera Thai telah membawa pulang hampir 4,000 tawanan ke Bangkok dan Ayudhya.<sup>82</sup> Dua buah meriam besar Patani iaitu Sri Negara dan Sri Patani turut dirampas dan dibawa balik ke sana.<sup>83</sup>

Tahanan-tahanan ini dilayan dengan kejam. Mereka dikatakan diikat secara berkumpulan di telinga dan kaki mereka dengan rotan bagi mengelakkan mereka melarikan diri. Dengan berkaki ayam, para tahanan telah dipaksa berjalan kaki sejauh 1,300 km dari Patani ke Bangkok dalam keadaan telinga dan kaki mereka terikat. Apabila sampai di Bangkok, mereka telah dijadikan sebagai hamba untuk menggali terusan-terusan di Bangkok dengan hanya menggunakan tangan-tangan mereka sahaja. Terusan-terusan ini dikenali dengan nama *Klong Saen Saeb*.<sup>84</sup>

Raja-raja Patani dalam keempat-empat peperangan tersebut telah dibunuh oleh tentera-tentera Thai. Satu impak ketara peperangan pada tahun 1786 adalah apabila orang-orang Melayu Patani telah melarikan diri ke negara-negara luar terutama Makkah, negeri-negeri Melayu di Semenanjung dan Pulau Sumatra. Penghijrahan ini begitu ketara setiap kali orang-orang Thai melancarkan serangan terutama semasa pemerintahan Tengku Lamidin (1786-1791) dan pemerintah yang dilantik selepas beliau , Datok Pengkalan (1791-1808).

<sup>82</sup> Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 98.

<sup>83</sup> A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang*, hlm. 33.Meriam-meriam tersebut hingga ke hari ini masih diletakkan di pintu gerbang hadapan Kementerian Pertahanan Thailand di Bangkok.

<sup>84</sup> A. Bangnara, *Patani Dahulu dan Sekarang*, hlm. 33.

Selepas perperangan antara 1786-1832, bermulalah zaman dasar pecah dan perintah oleh kerajaan Thai.<sup>85</sup> Patani telah dibahagikan kepada tujuh wilayah yang diperintah oleh raja-raja yang berasingan. Tujuh wilayah pentadbiran itu dinamakan Pattani, Nhongchik, Raman, Legeh, Saiburi, Yala dan Yaring.<sup>86</sup> Tempoh 70 tahun ini (1832-1902) menyaksikan sultan-sultan dikehendaki membayar Bunga Emas setiap tiga tahun kepada Raja Thai sebagai tanda kekuasaan Raja Thai.<sup>87</sup>

Kegemilangan Kerajaan Melayu Patani boleh disamakan dengan Kerajaan Melaka. Namun, kerana sifat hasad dengki di kalangan pemimpin mereka telah membawa kepada suasana berpecah-belah hingga memudahkan musuh untuk mengalahkan sebuah kerajaan yang telah lemah.<sup>88</sup>

### Berakhirnya Sebuah Kerajaan Islam

Mulai tahun 1902, Patani berada sepenuhnya dalam cengkaman orang Thai. Apabila Perjanjian Bangkok antara Thai dan British ditandatangani pada bulan Mac 1909, Patani diserap menjadi wilayah Thai secara rasmi.

<sup>85</sup> Apierat Samail, Politik dan Islam di Narathiwat, hlm. 15. Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan kekuatan negeri Patani. Ini memandangkan wilayah Singgora yang ditugaskan mengawasi Patani adalah lebih kecil dari Patani. Oleh itu, untuk mengelakkan pemberontakkan, Raja Rama II memutuskan untuk memecahkan Patani kepada tujuh negeri yang kecil dengan raja yang berlainan.

<sup>86</sup> Pattani diperintah oleh Datu Pangkalan, Nhongchik oleh Tuan Nik, Raman oleh Tuan Mansor, Saiburi oleh Nik Dah, Yala oleh Tuan Jalor, Legeh oleh Nik Deh. Yaring pula diperintah oleh raja berketurunan Thai, Nai Phai.

<sup>87</sup> Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 102. Lihat juga Chayachoke Chulasiriwonga, *Thai-British Relations Concerning the Southern Malay States 1880-1899*, Tesis Ph.D. Ohio University, hlm. 1-14 dan Kobkua Suwannathat-Pian, “Special-Thai Malaysia Relations”, *JMBRAS*, Vol. 75, Part 1, No. 282, 2002, hlm. 1.

<sup>88</sup> Mohd. Nordin Abdulrahman @ Atondra, “Mengenang Patani Di Zaman Kegemilangan Islam”, *Hidayah*, Ogos 2002, hlm. 39.

Kerajaan Thai telah membahagikan Patani kepada tujuh wilayah pentadbiran yang diperintah oleh pemerintah yang dilantik oleh kerajaan Thai di Bangkok. Walau bagaimanapun, wilayah-wilayah ini secara dasarnya masih dikuasai oleh para pembesar elit tradisional Melayu yang mempunyai kuasa autonomi.<sup>89</sup> Dalam erti kata lain, raja-raja masih mengekalkan autoriti dalam wilayah yang lebih kecil.

Pada tahun 1899, Raja Chulalongkorn memulakan satu reformasi pentadbiran wilayah melalui Kementerian Dalam Negeri atau *Mahatthai*. Konsep pemerataan kuasa pusat yang dikenali dengan nama *Thesaphiban* diperkenalkan.<sup>90</sup> Perubahan yang paling mengejutkan di wilayah selatan adalah apabila pesuruhjaya yang dilantik telah mengambil alih kekuasaan dari raja-raja Melayu. Isu ini tertumpu kepada kutipan hasil cukai yang menjadi sumber utama pendapatan raja-raja Melayu. Ini menimbulkan konflik yang serius antara kedua belah pihak. Desakan dan aduan raja-raja Melayu tidak dipedulikan oleh kerajaan Thai di Bangkok. Tambah mengeruhkan keadaan, lebih rami pegawai berbangsa Thai di hantar ke selatan hingga menimbulkan masalah kepada golongan elit Melayu Patani.<sup>91</sup>

Pada tahun 1898, Raja Pattani Tengku Abdul Kadir Kamaruddin telah membuat aduan kepada kerajaan British di Singapura berkenaan dengan layanan Thai terhadap rakyat baginda.<sup>92</sup> Walaupun pada mulanya ada tanda-tanda menunjukkan British akan

<sup>89</sup> Ivan Lee Synn Leng, "Separation in Southern Thailand : Prospects for A Solution", *The Haegate Papers*, Vol. 6, 1999, hlm. 18.

<sup>90</sup> Nantawan Haemindra, "The Problem of the Thai-Muslims", hlm. 201-202. Lihat juga W.K. Che Man, *Muslim Separatism*, hlm. 62.

<sup>91</sup> Margeret L. Koch, "Patani & the Development of A Thai State", *JMBRAS*, Vol. 50 Bhg. 2, No. 232, 1977, hlm. 71.

<sup>92</sup> Surin Pitsuwan, 'Islam And Malay Nationalism : A Case Study of The Malay – Muslims of Southern Thailand', Tesis Ph.D. Harvard University, 1980, hlm. 31. Lihat juga Margeret L. Koch, "Patani & the Development", hlm. 74.

campurtangan, kepentingan perdagangan dan politik menyebabkan tiada tindakan yang sewajarnya dilaksanakan.<sup>93</sup>

Perjanjian Bangkok 1909 telah mengukuhkan lagi kuasa orang-orang Thai di selatan. Kerajaan Thai telah meletakkan kawasan dominasi orang Melayu di dalam pentadbiran wilayah. Para birokrat Thai mula menggantikan pembesar-pembesar Melayu sebagai gabenor wilayah secara berperingkat berlandaskan sistem politik Thai.<sup>94</sup>

Menerusi sistem pentadbiran baru, golongan elit Melayu tidak dibenarkan untuk melibatkan diri dalam politik dan pentadbiran. Dari segi teori, satu-satunya cara untuk melibatkan dalam politik selepas era Revolusi 1932 adalah menerusi perkhidmatan awam atau bertanding dalam pilihanraya. Namun, peluang untuk orang Melayu amat terhad dan terbatas. Ini disebabkan oleh latarbelakang pendidikan orang Melayu yang tidak mempunyai asas dalam sistem pendidikan Thai yang merupakan syarat utama.<sup>95</sup>

## Latarbelakang Masyarakat Islam

Masyarakat Melayu Patani tertumpu di empat wilayah paling selatan. Walaupun secara rasmi mereka merupakan warganegara Thai berbangsa Melayu, mereka lebih dikenali sebagai Muslim Thai.<sup>96</sup> Pada masa lampau, mereka diistilahkan sebagai ‘*Malayu*’ atau

<sup>93</sup> Kementerian Luar British telah menolak cadangan Pejabat Tanah Jajahan British dengan menyatakan “Colonial Office suggestions were rejected because they would unduly alarm the king and make him think the British were trying to seize his territory ... British policy continued to support Siam’s claimed authority.” Lihat Margeret L. Koch, “Patani & the Development”, hlm. 81.

<sup>94</sup> W.K. Che Man, *Muslim Separatism*, hlm. 62.

<sup>95</sup> Mohd. Zamberi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 183.

<sup>96</sup> Uthai Dulyakasem, “The Emergence and Escalation of Ethnic Nationalism : The Case of the Muslim Malays in Southern Siam” dlm. Taufik Abdullah, *Islam and Society in Southeast Asia* (Singapura : ISEAS, 1982), hlm. 216.

‘Khaoek Malayu’ oleh kerajaan Thai.<sup>97</sup> Lebih 80 % orang Islam tinggal di wilayah-wilayah selatan. Namun, terdapat juga orang Islam berbangsa Cina di utara, berbangsa India, Arab, Parsi, Cham dan Melayu di wilayah tengah Thai. Orang Islam di Bangkok pula terdiri dari pelbagai etnik dan ras.<sup>98</sup> (Lihat Lampiran 3)

Akta Pentadbiran Kerajaan Thai 1933 telah membahagikan wilayah Selatan ini kepada 14 bahagian, 107 daerah, 21 daerah kecil, 1,010 kampung dan 6,898 desa.<sup>99</sup> Ini telah mengukuhkan lagi kuasa kerajaan Thai ke atas wilayah-wilayah dominasi Melayu ini kerana majoriti orang Islam yang berkurangan dalam setiap wilayah. (Lihat Lampiran 4).

Dari segi penggunaan bahasa, sebahagian besar masyarakat Melayu Patani boleh berbahasa Thai.<sup>100</sup> Namun, mereka tetap bertutur dalam dialek Melayu tempatan. Hanya masyarakat Melayu di wilayah Satul sahaja yang bertutur dalam bahasa Thai sepenuhnya. Oleh kerana pengajian mereka berlandaskan bahasa Melayu dan tulisan jawi, ini menyebabkan mereka dapat mengekalkan keupayaan untuk membaca, menulis dan bercakap dalam bahasa Melayu.<sup>101</sup> Bahasa Melayu ini memainkan peranan yang amat besar dalam kehidupan mereka. Ini disebabkan pertalian yang begitu ketara antara bahasa Melayu dan Islam. Ini berbeza dengan mazhab Buddha yang menjadi majoriti dan mendominasi politik, budaya, enik dan sejarah Thai.<sup>102</sup>

---

<sup>97</sup> Ibid.

<sup>98</sup> RISEAP, *Muslim Almanac Asia Pacific*, hlm. 209-210.

<sup>99</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 23.

<sup>100</sup> Umat Islam di wilayah-wilayah lain di Thailand bertutur dalam bahasa Thai sebagai bahasa utama. Ini berbeza dengan umat Islam di selatan yang majoriti masyarakat Islamnya merupakan dari etnik Melayu.

<sup>101</sup> Hasan Madmarn, *The Pondok and Madrasah*, hlm. 49.

<sup>102</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 22.

Seperti di Malaysia, menjadi Melayu bererti beragama Islam.<sup>103</sup> Ia bukan sahaja bersifat etnik, malah merangkumi aspek politik, sosial dan ekonomi. Keadaan ini menjadikan wilayah-wilayah ini begitu berbeza dan kerap berlaku konflik dengan kerajaan pusat.<sup>104</sup>

Penguasaan sepenuhnya kerajaan Thai ke atas wilayah-wilayah dominasi Melayu telah membawa satu impak yang negatif dari segi ekonomi. Struktur ekonomi telah dikuasai oleh kapitalis Cina dan birokrat bangsa Thai.<sup>105</sup> Para peniaga Cina telah menguasai sebahagian besar aktiviti peladangan dan perdagangan hingga menyukarkan penduduk tempatan untuk bersaing dalam perniagaan.<sup>106</sup>

Walaupun ada yang terlibat dalam perniagaan kecil, sebahagian besar orang Melayu Patani bekerja sendiri sebagai petani, pekebun getah dan nelayan.<sup>107</sup> Penanaman padi

<sup>103</sup> Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya*, hlm. 2.

<sup>104</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 22.

<sup>105</sup> Uthai Dulyakasem, "The Emergence and Escalation", hlm. 219.

<sup>106</sup> Frank H. Golay, *Underdevelopment and Economic Nationalism in Southeast Asia* (New York : Cornell University Press, 1969), hlm. 267, 274 dan 315. Walaupun dari segi statistik etnik Cina hanya 6 % dari jumlah keseluruhan penduduk empat wilayah ini, mereka menguasai sebahagian besar pais ekonomi. Kebanyakkan premis perniagaan dimiliki oleh orang-orang Cina. Malah, hampir semua ladang-ladang getah dikuasai oleh mereka. Monopoli perniagaan Cina bukan sahaja berlaku di bahagian selatan, malah di wilayah-wilayah lain di Thailand. Semenjak zaman Raja Mongkut hingga zaman Raja Prajadhipok, orang Cina memonopoli sektor pekerjaan terutama menerusi sistem corvee atau buruh paksa. Sistem ini telah membuka peluang orang Cina dalam sektor ekonomi yang lain. Akibatnya banyak kerja dimonopoli oleh bangsa Cina. Selepas berlaku revolusi, satu undang-undang telah dibentuk. Undang-Undang Kenderaan 1939 diluluskan di mana teksi hanya boleh dipandu oleh orang Thai sahaja. Ini adalah satu kesinambungan Dekri DiRaja 1932 yang menkehususkan 27 pekerjaan untuk orang-orang Thai. Pengukir imej Buddha, pendandan rambut, pembuat payung dan lain-lain lagi. Undang-Undang Sarang Burung 1939 dan Akta Garam 1939 pula diluluskan untuk menafikan penguasaan dan monopoli orang Cina dalam bidang tersebut yang sekaligus menampakkan dasar anti Cina.

<sup>107</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 32. Lihat juga P.B. Lafont, *Semenanjung Indochina*, hlm. 89.

merupakan aktiviti pertanian asas yang paling utama.<sup>108</sup> Pesawah Patani terkenal hingga ke Semenanjung Malaysia sebagai penanam padi yang amat mahir.<sup>109</sup>

Wilayah-wilayah selatan Thai kaya dengan sumber-sumber semulajadi yang memungkinkan penduduk-penduduk menanam tanaman tempatan seperti getah, kelapa dan buah-buahan tropika. Pantai yang berteluk juga membekalkan ikan-ikan yang banyak kepada para nelayan.<sup>110</sup> Walau bagaimanapun, pertanian dan perikanan merupakan pekerjaan bermusim.<sup>111</sup> Ini ditambah dengan ancaman dan saingan dari aktiviti perikanan berskala besar yang semakin berkembang.<sup>112</sup>

Kajian terbaru mendapati wilayah-wilayah ini juga kaya dengan hasil-hasil galian seperti bijih timah, emas dan gas asli.<sup>113</sup> Namun, jika diukur dari segi ekonomi orang Islam di selatan masih mundur jika dibandingkan dengan wilayah-wilayah lain di Thailand.<sup>114</sup> Berdasarkan kajian pada tahun 1989, 11 % berada dalam golongan berpendapatan tinggi,

---

<sup>108</sup> Nureeyan Saleh, *Lagu Dodoi Melayu Patani* (Bangi : Penerbit UKM, 1999), hlm. 66.

<sup>109</sup> Tate, D.J.M., *Sejarah Pembentukan Asia Tenggara Jilid Kedua : Perubahan Ekonomi dan Sosial* (Petaling Jaya : Fajar Bakti, 1985, cet. ke-4), hlm. 239.

<sup>110</sup> Nureeyan Saleh, *Lagu Dodoi Melayu Patani*, hlm. 67.

<sup>111</sup> Ibid., hlm. 68. Pada musim kemarau pesawah tidak dapat mengerjakan sawah dan pada musim laut bergelora para nelayan tidak dapat ke laut. Lihat juga Hasan Madmarn, *The Pondok and Madrasah*, hlm. 16.

<sup>112</sup> Untuk perbincangan lanjut berkenaan petani dan nelayan di wilayah selatan Thai, lihat Thomas M. Fraser, *Fishermen of South Thailand : The Malay Villagers* (New York : Holt, Richard and Winston, 1966). Lihat juga Thomas M. Fraser, *Rusembilan : A Malay Fishing Village in Southern Thailand* (Ithaca, New York : Cornell University Press, 1960).

<sup>113</sup> Thomas M. Ladd, "Cultural Factors Affecting the Rural Development Interface of Thai Bureaucrats and Thai Muslim Villagers", *Contemporary Southeast Asia*, Jil. 7, No. 1, Jun 1985, hlm. 1-2. Wilayah Patani menyumbang 35% pendapatan per kapita keluarga Thai. Namun, kerajaan Thai hanya memperuntukkan hanya 5% sahaja untuk kemajuan di selatan terutama berkenaan agama Islam.

<sup>114</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 31.

16 % berpendapatan sederhana dan majoriti 73 % berpendapatan rendah.<sup>115</sup> Ini dapat dilihat menerusi ketidakseimbangan dalam penglibatan penduduk mengikut sektor pekerjaan. (Lihat Lampiran 5)

Dari sudut kemasyarakatan, masyarakat Melayu memiliki sifat ketaatan dan kepatuhan yang kuat kepada pemimpin masyarakat.<sup>116</sup> Ini didorong oleh satu sistem sosio-politik kemasyarakatan yang agak terhad. Aktiviti masyarakat Melayu kebiasaannya hanya tertumpu di kampung mereka dan kawasan sekitarnya.<sup>117</sup>

Kepimpinan berteraskan agama (ulamá) umpamanya, memainkan peranan yang amat besar dalam masyarakat dan turut diakui oleh kerajaan Thai. Golongan ini mempunyai pengaruh yang kuat terutama dalam menjadi orang tengah antara masyarakat dan kerajaan. Mereka amat dihormati dan diterima sebagai pemimpin masyarakat.<sup>118</sup> Mengikut perundungan Thailand, Sheikhul Islam merupakan jawatan tertinggi dalam hal-ehwal agama Islam.

*Al-Qurán* dan *Al-Sunnah* sentiasa menjadi asas kepada pendidikan masyarakat Melayu Patani. Pengajian *al-Qurán* oleh tuan guru dan ustaz sama ada di masjid, madrasah dan institusi pondok masih menjadi amalan hingga ke hari ini.

Sistem pondok begitu sinonim dengan Selatan Thai. Ia menjadi sangat berpengaruh dan pelajar-pelajarnya dipandang tinggi oleh masyarakat. Begitu juga dengan konsep madrasah atau sekolah agama yang dimulakan oleh Haji Sulong menerusi *Madrasah al-Ma'rif al-Wataniah* pada tahun 1933. Konsep pembaharuan yang dibawa oleh sistem

---

<sup>115</sup> RISEAP, *Muslim Almanac Asia Pacific*, hlm. 211.

<sup>116</sup> Radin Soenarno, "Malay Nationalism 1896-1941", *JSEAH*, Vol. 1, March 1960, hlm.6.

<sup>117</sup> William Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1994, cet. ke-2), hlm.9.

<sup>118</sup> Uthai Dulyakasem, "The Emergence and Escalation", hlm. 225.

madrasah yang mengandungi dua aliran (agama dan akademik) ini mendapat sambutan baik dari masyarakat. Walau bagaimanapun, kerajaan menerusi pelbagai peraturan telah mewajibkan masyarakat Melayu bersekolah di sekolah-sekolah milik kerajaan. Institusi pondok dan madrasah pula perlu didaftarkan supaya mudah dikawal oleh kerajaan Thailand.<sup>119</sup>

## Latarbelakang Pemikiran Islam di Alam Melayu

Kurun pertama hingga ke-13 telah menyaksikan unsur Hindu-Buddha begitu menguasai peradaban Asia Tenggara baik dari segi kerajaan, politik, mitos, keagamaan, budaya dan sebagainya. Kedatangan Islam sekitar kurun ke-14 telah merubah satu budaya berteraskan Hindu-Buddha kepada satu konsep yang baru di Tanah Melayu.<sup>120</sup> Telah berlaku perubahan-perubahan besar dalam sejarah dan ketamadunan di rantau ini yang sekaligus mengubah dan merombak pandangan masyarakat.<sup>121</sup> Islam telah membawa satu sinar baru yang berteraskan *al-Qurán* dan *al-Sunnah*.

Syed Muhammad Naquib al-Attas dengan tegas berpendapat Islam telah memulakan satu zaman baru di Alam Melayu.<sup>122</sup> Islam turut memperkenalkan unsur politik yang akhirnya menjadi elemen penyatu terutama ketika kemuncak kegemilangan

---

<sup>119</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 26-29.

<sup>120</sup> Abdul Ghani Yaa'kub, "Alam Melayu wal al-Aqliyyat al-Islamiyyah", hlm. 1.

<sup>121</sup> Ahmad Ibrahim, "Islamisation of the Malay Archipelago and the Impact of al-Shafi'I's Madhab on Islamic Teachings and Legislation in Malaysia", *IU Law Journal*, Vol 2 No. 2, 1992, hlm. 7. Lihat juga Muhamad Umar Imran, "Islam di Kepulauan Melayu" dlm. *Ensiklopedia Islam Jilid 5* (Kuala Lumpur : Malaysian Encyclopedia Research Centre, 1988), hlm. 147 dan Syed Hussein al-Attas "On the Need For An Historical Study of Malaysian Islamization", *JSAH*, Vol. 4, No. 1, March 1963, hlm. 62-74.

<sup>122</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Petaling Jaya, 1990, cet. Ke-4), hlm. 25.

kesultanan-kesultanan Melayu terutama Melaka, Patani dan Aceh.<sup>123</sup> Islam telah membawa satu model sosio-politik, siasah pentadbiran dan perundangan kepada kerajaan-kerajaan Islam ini. Hingga ke hari ini , Islam memainkan peranan yang amat penting dalam senario politik di Alam Melayu.<sup>124</sup> Ini bermakna kedatangan Islam telah membangkitkan semangat perjuangan Islam di kalangan masyarakat Melayu.<sup>125</sup>

Pengaruh Hindu yang bertapak lebih dari 1,000 tahun turut mempunyai pengaruh yang kukuh terutama dari segi adat dan budaya.<sup>126</sup> Namun, secara umumnya ia hanya mementingkan kebendaan semata-mata. Islam telah memperkenalkan sistem pendidikan baru. Islam berlandaskan konsep di mana semua manusia wajib mempelajari sebarang ilmu pengetahuan yang benar dan diredhai Allah. Islam telah memperkenalkan pelbagai ilmu pengetahuan dunia dan akhirat. Ilmu pengetahuan Islam adalah berdasarkan kepada *Al-Qurán* dan *al-Sunnah*. Dalam *Al-Qurán* mengandungi ilmu pengetahuan untuk kemajuan manusia di dunia dan akhirat. Bagi mendapat ilmu pengetahuan dan miliknya, maka

---

<sup>123</sup> Ibid., hlm. 118.

<sup>124</sup> Teuku Hj. Ibrahim Alfian , “Dala’il Al-Khairat dan Nasihat Al-Muslimin; Dua Kitab yang Cukup Berpengaruh Dalam Sejarah Dunia Melayu Abad XVIII dan XIX.” *Jurnal Sejarah* , No. 5, 1997 , hlm. 35. Lihat juga Hussin Mutalib,“ Islamisation in Malaysia : Between Ideals and Realities” dlm. Hussin Mutalib dan Taj ul-Islam Hashmi (peny.), *Islam, Muslims and the Modern State, Case Studies of Muslims in Thirteen Countries*. (St. Martin Press, 1994).

<sup>125</sup> Mohd Husin Mat Nawi, “Semangat Perjuangan Islam Masyarakat Melayu”, *Ad-din Online*, <http://members.tripod.com/~rostam97/adin/ad05.htm>, hlm. 1.

<sup>126</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, hlm. 16. Pendidikan Islam telah mengantikan sistem Hindu-Adat yang bertapak seawal kurun pertama. Ketika zaman Hindu atau turut dikenali sebagai Indianisasi , pendidikan dan ilmu pengetahuan hanya dapat dimiliki oleh golongan tertentu sahaja. Ketika zaman kerajaan-kerajaan Hindu, pendidikan dan ilmu pengetahuan hanya dikhaskan untuk golongan istana dan bangsawan sahaja, manakala golongan bawahan atau marhain tidak dibenarkan mengikuti pendidikan dan ilmu pengetahuan. Contohnya, kitab *Mahabhrata* hanya boleh dibaca oleh golongan *Brahmin* sahaja. Sedangkan dalam Islam, *Al-Qurán* wajib dibaca dan dimiliki oleh keseluruhan umat Islam dan dijadikan pegangan hidup umat Islam. Pendidikan *al-Quran* ini menjadi asas pendidikan umat Islam Melayu malah merupakan elemen penting dalam proses sosialisasi dan politik. Lihat juga Abdullah Ishak, *Islam Di Nusantara*, hlm. 1-14.

umat Islam dikehendaki mempelajarinya dan mengkajinya serta mengikut apa yang dikehendakinya.<sup>127</sup>

Pendidikan dan ilmu pengetahuan lebih terbuka kepada semua lapisan masyarakat dan berkonsepkan Dakwah Islamiyyah. Ini menyaksikan kemunculan pusat-pusat dakwah dan perjuangan Islam di seluruh pelusuk Alam Melayu seperti Aceh, Riau, Banjar, Melaka, Patani, Brunei, Kelantan dan Champa.<sup>128</sup> Perkembangan pendidikan dan ilmu pengetahuan perlu berjalan serentak dengan perkembangan politik Islam. Kerana kepentingan ilmulah Alam Melayu muncul sebagai gedung khazanah ilmu pengetahuan Islam yang terkenal.<sup>129</sup>

Demi mengembangkan pengetahuan , kelas-kelas mempelajari *Al-Qurán* diadakan hingga ke peringkat mempelajari bahasa Arab dan hukum-hukum. Pada peringkat permulaan , pendidikan dan ilmu pengetahuan yang menggunakan bahasa Arab menjadi suatu kesukaran kepada penduduk tempatan. Lantaran itu lahirlah ramai tokoh yang berusaha menterjemahkan kitab-kitab bahasa Arab ke bahasa tempatan supaya dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat.<sup>130</sup>

Sistem pendidikan pondok mula diperkenalkan oleh alim ulamá dari Timur Tengah sekitar awal Kurun ke-19. Sistem ini mula popular terutama di Patani, Terengganu, Kelantan dan Kedah. Sekolah pondok merupakan satu institusi tradisional Islam yang

---

<sup>127</sup> Mohd. Kamil Hj. Abdul Majid, "Skop, Sejarah dan Aliran Pemikiran Islam", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 5 , Disember 1996, hlm. 111.

<sup>128</sup> Mohd Husin Mat Nawi, "Semangat Perjuangan Islam", hlm.1.

<sup>129</sup> Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara , Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke 19* (Kuala Lumpur : DBP, 1989), hlm. 145.

<sup>130</sup> Untuk melihat sumbangan ulama Melayu , lihat Wan Mohd. Saghir Abdullah , *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu Jilid 3* (Kuala Lumpur : Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah , 2000).

berkonsepkan *Tarbiyyah* dan memberi didikan berkenaan hukum-hukum Islam serta ibadah.<sup>131</sup>

Golongan berpendidikan pondok merupakan antara golongan pertama yang menyahut panggilan jihad menentang penjajahan. Peranan Islam dalam sejarah perkembangan anti-penjajahan mula mendapat perhatian. Konsep *jihad* digunakan untuk menyemarakkan semangat perjuangan menentang penjajah Kristian. Perkara ini diungkapkan oleh Snouck Hurgronje "... yang harus ditakuti oleh pemerintah bukanlah Islam sebagai agama, tetapi Islam sebagai doktrin politik."<sup>132</sup>

Pada akhir kurun ke 19 dan awal abad ke 20, para pelajar Melayu yang pergi merantau ke Makkah telah membawa pulang satu sistem pendidikan Islam yang lebih sistematik dalam memperbaiki kondisi sosio-politik ummah.<sup>133</sup> Ulama besar yang dikatakan mula menyebarluaskan pemikiran-pemikiran bernes kepada para pelajar ini ialah Shaykh Ahmad Khatib bin Abdul Latif al-Minangkabawi.<sup>134</sup>

Awal kurun ke-20 menyaksikan kemunculan golongan ulamá yang digolongkan sebagai Kaum Muda dalam suasana umat Islam dalam kondisi penjajahan yang begitu

---

<sup>131</sup> Abdul Latif Hamidong, "Institusi Pondok dalam Tradisi Budaya Ilmu" dlm. Ismail Hussein, et.al., *Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur : DBP, 1993), hlm. 747.

<sup>132</sup> Khoo Kay Kim, *Malaysia Masa Kini* (Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1984), hlm. 19.

<sup>133</sup> Mohammad Redzuan Othman, "The Role of Makka-Educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya", *Journal of Islamic Studies*, Vol. 9 No. 2, 1998, hlm. 146.

<sup>134</sup> Mohammad Redzuan Othman, "Peranan Ulama Dalam Perkembangan Awal pemikiran Politik Melayu", *Hasrizal Online*, <http://hasrizal.tripod.com/article/KepimpinanUlamak.htm>, hlm.1. Ulama besar ini merupakan individu bukan Arab pertama yang dilantik sebagai Imam Besar Masjidil Haram oleh Sharif Makkah bagi mewakili umat Islam bermazhab Shafii. Terkenal dengan sikap anti-British dan percaya kepada idea Islah dan Tajdid.

mundur.<sup>135</sup> Syed Hussein al-Attas menegaskan bahawa Islam telah mempelopori gerakan anti-penjajahan. Aliran dan fahaman lain seperti komunisme, sosialisme dan nasionalisme hanya datang selepas itu atau lebih spesifik idea-idea ini hanya datang pada awal kurun ke-20.<sup>136</sup>

Selaras dengan kemunculan Kaum Muda, muncul perjuangan kemerdekaan berlandaskan penulisan. Ini juga membawa kepada kewujudan sistem pendidikan bercorak madrasah. Sekolah-sekolah seperti madrasah ini telah membangkitkan lagi kesedaran politik Islam di Alam Melayu. Satu era baru dalam pemikiran telah diperkenalkan oleh Kaum Muda. Hasilnya, muncul tokoh-tokoh intelek yang lebih terbuka dan berfikiran kritis. Secara perlahan-lahan timbul kesedaran politik dengan permulaan gerakan pemulihian Islam di Tanah Melayu.<sup>137</sup>

Pengaruh gerakan politik di Timur Tengah pada penghujung kurun ke 19 di Mesir ini telah mempengaruhi telah mempengaruhi pemikiran politik masyarakat Melayu. Gerakan Islah atau Reformis pimpinan Muhammad Abduh ini memperjuangkan konsep Pan-Islamisme.<sup>138</sup> Muhammad Abduh mendesak umat Islam kembali kepada asas iaitu *al-Qurán* dan *al-Sunnah*. Beliau berpendapat, hanya menerusi cara Islam yang asal dan telus sahajalah satu-satunya cara untuk menyelesaikan kemunduran sosio-politik moden.<sup>139</sup>

---

<sup>135</sup> William R. Roff , terj. Ahmad Boestamam, *Nasionalisma Melayu* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 1973) hlm. 71.

<sup>136</sup> Mohammad Redzuan Othman, “The Role of Makka-Educated”, hlm. 120.

<sup>137</sup> Abdul Ghani Yaakub, ‘Alam Melayu wal al-Aqliyyat al-Islamiyyah’, hlm 45.

<sup>138</sup> Radin Soenarno, “Malay Nationalism 1896-1941”, *JSEAH*, Vol. 1, March 1960, hlm.6. Konsep pan-Islamisme ini lebih kepada menyatukan umat Islam seluruh dunia dalam menentang penjajahan Barat dan dalam masa yang sama membebaskan Islam dari kepercayaan tradisional yang tidak sesuai seperti taqlid buta dan bidáh.

<sup>139</sup> Hamdan Hassan, *Bingkisan Kenangan Untuk Pendeta* (Kuala Lumpur : DBP, 1993), hlm.139.

Menjelang dekad pertama kurun ke 20. Gerakan politik Islam telah sampai ke Tanah Melayu.<sup>140</sup> Pada masa itu juga, ramai orang Melayu yang telah pergi ke luar negeri, terutamanya ke Timur Tengah untuk mempelajari agama Islam. Terdapat juga mereka yang keluar negeri untuk menunaikan fardhu haji.<sup>141</sup> Perkembangan reformis di Timur Tengah itu telah mempengaruhi kedua-dua kumpulan tersebut. Mereka mula menyebarkan idea baru kepada masyarakat Melayu berlandaskan agama Islam.<sup>142</sup> Keadaan ini telah dipelopori oleh penuntut-penuntut Melayu yang telah pergi ke Timur Tengah terutama di Mesir yang mula menjadi pilihan terutama sebelum tercetusnya Perang Dunia Pertama.<sup>143</sup> Pengalaman di Timur Tengah ini telah membuka mata para pelajar Melayu dan menjadi sumber perubahan persepsi mereka terhadap dunia yang lebih luas.<sup>144</sup> Ilmu dan pengalaman yang diperolehi oleh para pelajar ini ternyata menjadi aset yang berguna apabila mereka pulang dan kemudiannya meneruskan perjuangan untuk mengubah kondisi sosio-politik dalam masyarakat.<sup>145</sup> Singapura kemudiannya telah dijadikan pusat perkembangan ilmu pemikiran Islam yang berlandaskan Islah ini.

---

<sup>140</sup> Gerakan pembaharuan yang berlaku di Alam Melayu dipengaruhi oleh dua aliran iaitu dari India dan Asia Barat. Aliran Asia Barat menampilkan sahaman Islah yang bersumberkan pemikiran tokoh-tokoh pembaharuan atau tajdid seperti Ibnu Taymiyyah, Muhammad bin Abdil Wahab, Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan Rashid Ridha.<sup>140</sup> Manakala, aliran India lebih tertumpu sumber pemikiran Shah Waliullah al-Dahlawiyy. Walau bagaimanapun, aliran Asia Barat atau Timur Tengah ini lebih besar pengaruhnya kerana ia telah dikembangkan dengan gigih oleh graduan-graduan Timur Tengah terutama dari Mesir dan Makkah. Tokoh-tokoh yang terkenal adalah Syeikh Tahir Jalaluddin, Saiyid Syeikh al-Hadi, Syaikh Abu Bakar al-Asha'ari dan ramai lagi.

<sup>141</sup> Virginia Matheson dan M.B. Hooker, “Jawi Literature in Patani”, hlm. 13.

<sup>142</sup> Ibid.

<sup>143</sup> Mohammad Redzuan Othman, “Call of the Azhar : The Malay Students Sojourn in Cairo Before World War II”, *Jurnal Sejarah*, No. 3, 1994, hlm. 98.

<sup>144</sup> Mohammad Redzuan Othman, ‘The Middle Eastern Influence’, hlm. 1.

<sup>145</sup> Mohammad Redzuan Othman, “Call of the Azhar”, hlm. 110.

Pemikiran politik Islam yang dibawa dari Mesir khasnya dan Timur Tengah amnya telah mendorong graduan-graduan ini berjuang memajukan daya fikir masyarakat Islam. Mereka menyeru umat Islam bersikap lebih kritis, meninjau semula pemahaman dan amalan agama serta kembali kepada asas. Gerakan ini turut memberi satu nafas baru kepada bidang pendidikan umat Islam. Ini kenali sebagai Islah Dirasi yang mempelopori sistem persekolahan agama atau madrasah. Sistem madrasah ini terus menjadi satu alternatif kepada sistem pondok yang dilihat kurang bertenaga dalam menghadapi cabaran Ummah.

Reformasi pendidikan dilakukan termasuk memperkenalkan satu sistem kurikulum yang menarik dan lebih pelbagai dan merangkumi matapelajaran agama dan akademik. Satu perkara yang menarik adalah penggalakkan pembelajaran bahasa Inggeris , sesuatu yang selama ini ditentang oleh sistem pondok yang menganggap ia merupakan pelajaran penjajah Kristian. Ini akan menjadi pemangkin kepada perkembangan penulisan yang menjadi wadah untuk menyampaikan idea-idea baru politik Islam kepada masyarakat.

Era sebelum Perang Dunia Kedua mempelihatkan institusi pendidikan agama terutama madrasah telah memainkan peranan penting sebagai tapak semaihan kepada usaha menimbulkan kesedaran sosial dalam politik masyarakat Melayu.<sup>146</sup>

Selain itu, kesedaran turut diberi tentang kejatuhan dan kemerosotan Islam, sebab-musababnya serta saranan penyelesaiannya. Seruan-seruan ini telah mendorong orang Melayu untuk bergiat secara individu dan menubuhkan badan-badan kebajikan yang kemudiannya meningkat kepada tertubuhnya penubuhan badan-badan politik yang memperjuangkan kemerdekaan menerusi perjuangan bercorak penulisan.

Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin telah memulakan penerbitan majalah *al-Manar* serta menyebarkan idea-idea Muhammad Abdur menerusi *al-Imam*.<sup>147</sup>

---

<sup>146</sup> Mohammad Redzuan Othman, "Islam dan Proses Politik Dalam Peradaban Malaysia", Kertas Kerja Kongres Peradaban Malaysia DBP, 12-14 Jun 2001, hlm. 3.

*Al-Imam* yang mula diterbitkan pada tahun 1906 tampak mengikut langkah majalah *al-Manar* yang mendapat sumbangan lidah pengarang dari *Al-Úrwatul Wusqa'* terbitan Jamalussin al-Afghani di Paris. *Al-Imam* mengemukakan betapa pentingnya pendidikan, pelajaran dan ilmu pengetahuan dan dalam masa yang sama menyeru umat Islam membuang budaya kolot dan fanatik.<sup>148</sup> Dalam masa yang sama ia turut menyeru umat Islam bersatu dan membangunkan kebudayaan Islam di seluruh alam.

Syed Sheikh al-Hadi turut memulakan satu gerakan politik Islam menerusi *al-Imam* tersebut. Matlamat utama ialah untuk memajukan orang-orang Melayu dan kembali kepada *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Gerakan yang digelar Kaum Muda ini ingin membebaskan Islam dari kepercayaan lama yang membantutkan kemajuan. Mereka menyeru orang Melayu menggunakan akal fikiran dalam amalan agama. Kemunduran ekonomi hanya boleh diperbaiki menerusi pengamalan Islam yang sebenar.<sup>149</sup> Beliau pernah menegur orang Melayu yang tidak menggunakan kesempatan kemajuan yang dibawa oleh British untuk kepentingan diri.<sup>150</sup>

Beliau menyatakan :

"The signs of prosperity and wealth have manifested themselves because of the fair rule of the British Government , which has attracted money from European nations;

---

<sup>147</sup> William Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, hlm.56-66.Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin menjadi pengarang pertama.Haji Abbas bin Muhammad Taha dari Singapura menjadi pengarang keduanya dan Syed Syeikh al-Hadi menjadi penyumbang tetap majalah tersebut.

<sup>148</sup> William R. Roff , *Nasionalisma Melayu*, hlm. 75.

<sup>149</sup> Abdullah Haji Jaafar, 'Al-Imam' dlm. Khoo Kay Kim, peny. *Sejarah Masyarakat Melayu Modern* ( Kuala Lumpur : Penerbit UM, 1985) hlm. 87.

<sup>150</sup> William R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 75.

banks have been opened here (Malaya) to serve the public; the foreigners have used them ...”<sup>151</sup>

*Seruan Azhar dan Pilihan Timoer* turut diterbitkan. *Seruan Azhar* pada terbitan tahun 1927 telah mendesak penduduk Tanah Melayu menjadi lebih berani dan tidak membiarkan British menentukan masa depan mereka.<sup>152</sup> Ia menuntut penduduk Tanah Melayu diberi kebebasan bercakap dan menyeru supaya diadakan pemberontakan jika tuntutan tersebut tidak ditunaikan. Majalah ini nampak bebas kerana ia diterbitkan di luar yang jauh dari kawalan British.<sup>153</sup> Radin Soenarno menegaskan “they dealt freely with forbidden topics of nationalism and politics of the Middle East.”<sup>154</sup>

Syed Sheikh al-Hadi turut menerbitkan *al-Ikhwan* di Pulau Pinang pada tahun 1925.<sup>155</sup> Majalah ini memuatkan perjuangan Kaum Muda dalam isu agama dan sosial. Menerusi majalah inilah Sheikh Tahir Jalaluddin mengemukakan pendapat bahawa umat Islam di Tanah Melayu lemah dalam pentadbiran agama hingga menyebabkan pemerintah Inggeris begitu mudah mengambil kesempatan.<sup>156</sup> Sheikh Tahir turut mengkritik

<sup>151</sup> Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism*, hlm. 155.

<sup>152</sup> Abdul Ghani Yaakob, ‘Alam Malaya wal al-Aqliyyat al-Islamiyyah’ , hlm. 45.

<sup>153</sup> Mohd. Sidin Ahmad Ishak, “Akhbar dan Percetakan Melayu di Timur Tengah”, *Al Islam*, Ogos 2000, hlm. 54-55. Artikel ini membincangkan sejarah serta sumbangan penulis ulamá Melayu hingga melahirkan penerbitan akhbar dan majalah Melayu di Timur Tengah.

<sup>154</sup> Radin Soenarno, “Malay Nationalism”, hlm.7-9.

<sup>155</sup> Alijah Gordon, *The Real Cry*, hlm. 173-238.

<sup>156</sup> Kelemahan pentadbiran agama Islam ini disuarakan oleh tokoh Undang-Undang Syariah di Malaysia, Allahyarham Profesor Emiritus Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim dalam satu sesi temuramah dengan beliau pada 20 Ogos 1997 di Kampus UIAM Petaling Jaya. Beliau menyatakan kepada penulis bahawa pentadbiran Islam amat lemah hingga pejabat kadi ketika itu begitu dhaif dan beratap nipah sahaja serta tidak dipedulikan oleh kerajaan British. (Maklumat lanjut tentang biodata dan sumbangan beliau lihat *The Passing of An Institution* , Harakah, 26 April 1999).

pendidikan agama yang dikendalikan oleh golongan ulamá tradisional ketika itu yang dianggap ketinggalan zaman.

Peranan yang dimainkan oleh majalah, jurnal dan akhbar ini begitu penting dalam meluaskan pengaruh pemikiran politik Islam. Pemikiran ini turut dimainkan oleh madrasah-madrasah yang ditubuhkan oleh golongan berfikiran reformis Melayu dalam usaha mereka mempraktikkan idea pemikiran mereka dengan lebih efektif.<sup>157</sup>

Jika dilihat kepada perjuangan menentang penjajah di Alam Melayu, jelas Islam menjadi elemen utama dalam kebangkitan nasionalis dan politik di Tanah Melayu dan juga Indonesia. Di Tanah Melayu, gerakan politik Islam telah membangkitkan kesedaran politik di kalangan masyarakat Melayu.<sup>158</sup> Di Indonesia pula, pengaruh pan-Islamisme menjadi pemangkin kepada pembentukkan kesatuan sosial masyarakat Indonesia yang dapat dibezakan menerusi gerakan pendidikan dan gerakan sosial.<sup>159</sup> Organisasi politik Islam di Indonesia lebih tersusun. Penubuhan Muhammadiyah oleh Kiai Haji Ahmad Dahlan pada tahun 1912 membolehkan gerakan Islah bergerak sebagai sebuah organisasi yang tersusun.<sup>160</sup>

## **Sejarah Perkembangan Politik Islam di Patani**

Semenjak kedatangan Islam, *al-Qurán* telah menjadi asas pengajian yang dilalui oleh setiap anggota masyarakat Melayu Patani. Ia menjadi pemangkin kepada kemunculan guru-guru agama dan tuan-tuan guru yang mengajar *al-Qurán* di seluruh pelusuk selatan Thai ini.

---

<sup>157</sup> Mohammad Redzuan Othman, *The Middle Eastern Influence*, hlm. 284.

<sup>158</sup> Radin Soenarno, “Malay Nationalism”, hlm. 27.

<sup>159</sup> Deliar Noer, *Gerakan Moderen Islam di Indonesia 1900-1942* (Jakarta : LP3ES, 1981), hlm. 310.

<sup>160</sup> Mohammad Redzuan Othman, “Islam dan Proses Politik”, hlm.3.

Seterusnya sistem pondok muncul dan menjadi institusi pendidikan terpenting di Patani.<sup>161</sup>

Sistem pondok yang diinstitusikan di Patani ini telah melahirkan para ulamá terbilang di Nusantara seperti Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani,<sup>162</sup> Daud al-Fatani dan ribuan lagi yang begitu masyhur hingga ke Timur Tengah.<sup>163</sup> Mereka inilah yang meletakkan dasar perkembangan ilmu dan kesarjanaan Islam.<sup>164</sup>

Abdul Latif Hamidong menjelaskan :

“Cukup banyak ulamá yang berasal dari Petani (sic) yang dikenali di Asia Tenggara dan banyak pula kitab agama yang mereka tulis baik dalam bahasa Melayu maupun dalam bahasa Arab .... Ulamá-ulamá tersebut,bukan sahaja dikenali di rantau ini tetapi juga dikenali dan diakui kealimannya di negara Arab, sehingga sebahagian daripada mereka diberi kesempatan untuk mengajar di Masjidil Haram, Makkah”<sup>165</sup>

Dari segi sejarah dan politik, konflik antara kerajaan Thai dan wilayah –wilayah selatan bermula seawal akhir kurun ke-16. Terdapat ahli akademik yang berpendapat yang konflik ini pada mulanya lebih berasaskan politik kebangsaan dan bukan berasaskan

---

<sup>161</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 26.

<sup>162</sup> Wan Mohd. Saghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara Jilid 2* (Kuala Lumpur : Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, 2000), hlm. 79-128.

<sup>163</sup> Mohammad Redzuan Othman, “The Role of Makka-Educated”, hlm. 147-148. Lihat juga Virginia Matheson dan M.B. Hooker, “Jawi Literature in Patani”, hlm. 13; Md. Sidin Ishak dan Mohammad Redzuan Othman, *The Malays in the Middle East* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2000), hlm. 28-34 dan Mohamad Abu Bakar, “Dari Pusat ke Pinggiran : Institusi Pondok di Malaysia”, *Tamadun Melayu*, hlm. 1164-1195.

<sup>164</sup> Abdul Latif Hamidong, “Institusi Pondok”, hlm. 747.

<sup>165</sup> Ibid., hlm. 747-748.

agama.<sup>166</sup> Namun kembalinya para penuntut dari Timur Tengah telah memperbaharui corak perjuangan dan pemikiran berunsurkan Islam.

Terdapat sejumlah besar masyarakat Melayu Patani yang bertaraf penduduk tetap di Arab Saudi terutama di Makkah dan Jeddah.<sup>167</sup> Kebanyakannya daripada mereka mendapat status kewarganegaraan Arab Saudi. Walau bagaimanapun, hampir kesemua mereka masih mengekalkan tali persaudaraan dengan kaum keluarga di Malaysia dan Selatan Thai.<sup>168</sup>

Idea politik Islam di Selatan Thai telah disemarakkan oleh ulamá terkemuka Patani terutama Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain bin Wan Mustafa al-Malyuwi al-Fathani.<sup>169</sup> Ketokohan ulamá Melayu ini terbukti apabila diberi amanah untuk memeriksa dan mengabsahkan buku-buku agama yang diterbitkan oleh syarikat penerbit terkemuka, *Mustafa al-Bab'i al-Halabi* demi untuk menjamin kesahihan dan kesempurnaan

---

<sup>166</sup> Uthai Dulyakasem, "Muslim-Malay Separatism", hlm. 225.

<sup>167</sup> Berdasarkan lawatan pada musim haji 1986, terdapat satu bentuk penyertaan yang aktif oleh para peniaga dari kalangan masyarakat Melayu Patani. Kebanyakannya kedai-kedai makanan yang menghidangkan masakan Melayu di sana dimiliki oleh mereka. Syarikat pengangkutan awam serta hotel-hotel di Makkah dan Madinah juga dimiliki oleh ahli perniagaan berketurunan Melayu Patani. Nama keluarga 'al-Fatani' begitu dominan dalam bidang perniagaan di sana. Ini membuktikan generasi mereka telah menetap dalam jangka masa yang agak lama disana hingga memungkinkan perniagaan-perniagaan dapat dibangunkan dengan aktif. Lihat juga Mohd. Nordin Abdulrahman @ Atondra, "Mengenang Patani Di Zaman Kegemilangan Islam", *Hidayah*, Ogos 2002, hlm. 35.

<sup>168</sup> Omar Farouk, "The Historical", hlm. 256.

<sup>169</sup> Beliau dilahirkan pada 10 April 1856 di Kampung Jambu atau Kampung Sena di Patani. Berasal dari keturunan pendakwah dari Hadramaut. Mempunyai tali persaudaraan dengan Saidina Abbas bin Abdul Mutalib, bapa saudara Nabi Muhammad. Dilahirkan di Kampung Jambu, Patani pada 10 April 1856. Mendapat pendidikan dari bapanya yang merupakan salah seorang ulamá terkenal Patani. Bapa saudaranya, Syeikh Wan Mustafa atau lebih dikenali dengan gelaran To' Guru Bendang Daya, guru pondok yang sangat terkenal sekitar pertengahan kurun ke-19. Selain terdidik di Makkah, beliau juga menyambung pelajaran di Mesir. Beliau merupakan antara orang Melayu pertama yang diterima memasuki Universiti al-Azhar. Terkenal bukan sahaja kerana kepakarannya dalam penulisan dalam ilmu keagamaan dan bahasa Arab, malah dalam ilmu perubatan, penyelidikan bidang kimia, sejarah dan politik Islam. Ulamá terbilang ini meninggal dunia pada 14 Januari 1908 di Mina' dan dikebumikan di Makkah. Lihat Mohd. Zamperi A. Malek, *Umat Islam Patani*, hlm. 194.

buku-buku tersebut.<sup>170</sup> Beliau juga merupakan seorang penulis yang prolifik dan telah menghasilkan 160 buah buku dalam bahasa Melayu dan Arab. Penulisan beliau bukan sahaja merangkumi ibadah asas, malah turut merangkumi perubatan, sejarah dan politik.<sup>171</sup>

Beliau boleh dianggap tokoh pelopor politik Islam yang berteraskan pembaharuan.<sup>172</sup> Sebagai seorang ulamá dan pejuang bangsa yang mengambil berat terhadap nasib bangsa Melayu, Syeikh Wan Ahmad turut bertanggungjawab membetulkan sebutan Patani dalam tulisan jawi iaitu menukar huruf (ق) kepada huruf (ط) sempena perkataan ‘*watan*’ atau tanahair. Hingga hari ini nama Patani ditulis sebagai (فطاني).<sup>173</sup>

Dalam pada itu, masyarakat Melayu Patani yang datang ke Arab Saudi dan tidak tinggal secara tetap boleh dibahagikan kepada dua kumpulan, golongan yang datang untuk melanjutkan pelajaran dan golongan yang datang untuk menunaikan fardhu haji. Graduan-graduan dari sekolah pondok dan mempunyai pelajaran asas dalam ilmu-ilmu Islam seperti tajwid, nahu, fiqah, tawhid dan tasawwuf perlu melengkapkan pengajian mereka di Timur Tengah.<sup>174</sup>

Para pelajar menyambung pelajaran mereka di pelbagai institusi dan universiti di Timur Tengah memilih untuk belajar di Makkah, Jeddah, Riyadh dan Kaherah.<sup>175</sup> Terdapat bukti-bukti yang menunjukkan para pelajar Melayu Patani di Timur Tengah aktif berpolitik

---

<sup>170</sup> Mohammad Redzuan Othman, *The Middle Eastern Influence*, hlm. 238. Syarikat penerbitan tersebut ditubuhkan pada tahun 1859.

<sup>171</sup> Mohammad Redzuan Othman, “The Role of Makka-Educated”, hlm. 65.

<sup>172</sup> Ahmad Fathy al-Fatani, *Ulamá Besar Dari Patani*, hlm. 55-66.

<sup>173</sup> Ibid., hlm. 58.

<sup>174</sup> Ibid., hlm. 249.

<sup>175</sup> Virginia Matheson dan M.B. Hooker, “Jawi Literature in Patani”, hlm. 14.

dan bersimpati dengan gerakan-gerakan pemisah di selatan Thai.<sup>176</sup> Dalam kurun ke-19, pelajar Melayu Patani hampir kesemuanya memilih kota Makkah untuk menyambung pelajaran. Namun, menjelang 1920-an, terdapat pelajar yang memilih Universiti al-Azhar di Kaherah.<sup>177</sup>

Seperti yang berlaku di Tanah Melayu, penentangan awal dimulakan oleh golongan diraja dan pembesar yang kehilangan hak tradisi mereka.<sup>178</sup> Perasaan cinta dan taat setia kepada tanahair serta ingin membebaskannya daripada penjajahan disebut sebagai semangat kebangsaan. Kesedaran kebangsaan ini ialah kesedaran yang merentasi kampung, daerah dan negeri. Dalam konteks masyarakat Melayu Patani, mereka amat sedar bahawa mereka berada di belenggu penjajahan kerajaan Thai. Tentangan-tentangan berdarah gagal menghalau Thai dari wilayah Selatan. Orang Melayu menjadi semakin mundur dalam semua segi hingga memerlukan satu reformasi secara berperingkat dari semua segi.

Boleh dikatakan apabila pihak Thai memaksa Raja Patani menandatangani secara paksa pada tahun 1902, penentangan hebat terhadap Thai kembali muncul sebagai kesinambungan persejarahan silam.<sup>179</sup>

Kesan Revolusi 1932 ini menyaksikan Islam muncul sebagai pemangkin dalam pembentukan siasah dan semangat kebangsaan orang Melayu Patani. Jika disorot pengaruh Islah di Selatan Thailand, kita perlu membandingkan dengan apa yang berlaku di Tanah Melayu umpamanya. Perubahan-perubahan sosial dan ekonomi akibat dari perluasan kuasa British di Tanah Melayu dalam kurun ke 19 dan awal kurun ke 20 telah mempengaruhi

<sup>176</sup> Omar Farouk, "The Historical", hlm. 249.

<sup>177</sup> Ibid.

<sup>178</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, "Kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu", dlm. Khoo Kay Kim, peny. *Sejarah Masyarakat Melayu Modern* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 1985), hlm. 1-12.

<sup>179</sup> Untuk perbincangan lanjut, lihat Margaret L. Koch, "Patani and the Development", hlm. 69-88.

perkembangan politik Melayu secara keseluruhan dan sekaligus turut mempengaruhi orang Melayu di Selatan Thailand.

Perkembangan pemikiran politik di kalangan masyarakat Melayu Patani boleh dikatakan timbul serentak dengan kebangkitan<sup>180</sup> tahap keagamaan dalam perjuangan menentang penjajahan di Tanah Melayu dan Indonesia. Ia jelas dipengaruhi oleh perubahan yang disalurkan oleh masyarakat Islam di Timur Tengah. Pengaruh dari rantau itu telah memberi impak kepada pemikiran masyarakat Melayu yang mula sedar tentang kemunduran mereka dari aspek sosio-ekonomi berbanding dengan kaum-kaum lain. Penjajahan turut menjadi isu di mana diterapkan kepentingan Islam perlu dipertahankan kedaulatannya.<sup>181</sup> Kesedaran ini selaras dengan kemunculan pemimpin-pemimpin berpendidikan Timur Tengah , Melayu dan Barat yang cuba menyatukan orang-orang Melayu dan mengusir penjajah.<sup>182</sup>

Saat ini mula menyaksikan idea-idea politik Islam mula menular dalam atas pemikiran para penuntut yang datang dari wilayah-wilayah Selatan. Sumber sejarah menerangkan bahawa perkembangan idea ini muncul sekitar tahun 1927 terutama di bahagian Selatan Atas.<sup>183</sup> Gerakan ini dikenali sebagai Pergerakan Sunnah atau Khana Mai yang membawa maksud Kaum Muda. Ia dikatakan mula bertapak di Nakhon Sri Thammarat pada awal dekad 1930-an dengan kedatangan Abdullah Amini dari Indonesia pada tahun 1927.<sup>184</sup> Beliau menjadikan bandar Nakhon sebagai tapak penyebaran pengajian Islam yang berteraskan Sunnah. Gaya dan pendekatan beliau yang berbeza telah menarik

<sup>180</sup> Lukman Thaib, *Political System of Islam* (Kuala Lumpur : Penerbit Amal, 1994), hlm. 46.

<sup>181</sup> Lihat Anthony Reid , “Nineteenth Century Pan-Islam in Indonesia”, *JAS*, Vol. 24, No. 2, February 1967.

<sup>182</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 155.

<sup>183</sup> Ibid., hlm. 155. Abdullah Amini merupakan seorang pelarian politik yang diburu oleh kerajaan Belanda yang menjajah Indonesia.

perhatian penduduk tempatan. Namun, kehadiran beliau telah mendapat tentangan golongan ulamá tradisional. Walau bagaimanapun, kedatangan Abdul Latif dan Ahmad Lutfi dari Indonesia telah mengukuhkan semula perjuangan beliau.<sup>184</sup>

Sementara itu, gerakan Kaum Muda turut muncul di Pathalung. Ismail Ahmad al-Nadawa yang kembali dari India pada tahun 1935 telah membawa ide-ide dari sana. Beliau telah mengasaskan Madrasah Ansor Sunnah di daerah Pak Payun. Madrasah ini dikatakan antara madrasah yang pertama yang menggunakan pendekatan Sunnah.<sup>185</sup> Ia menyambung kesinambungan Madrasah al-Ma’arif al-Wataniah yang diasaskan oleh Haji Sulong. Pada tahun 1943, Madrasah Al-Muwahidin telah ditubuhkan di Kaodin. Ia telah menjadi tapak perjuangan pergerakan pembaharuan di Nakhon Sri Tammarat.<sup>186</sup>

Kecewa dengan usaha golongan nasionalis beraja zaman Perang Dunia Kedua untuk mendaulatkan Patani, golongan ulamá merasakan keperluan untuk campurtangan dalam perjuangan membebaskan Patani. Ini ditambah dengan terwrtanya Akta Agama Islam pada tahun 1945. Akta ini memberi pengiktirafan kepada golongan agama atau ulamá sebagai pemimpin masyarakat Melayu Patani. Campurtangan kerajaan Thai dalam Akta Perundangan Islam 1946 telah menyemarakkan lagi penentangan terutama dengan kembalinya para ulamá Patani yang menuntut di Makkah selepas Perang Dunia Kedua.<sup>187</sup>

Para pelajar Patani yang belajar di universiti-universiti di Makkah, Jeddah, Riyadh dan Kaherah bergerak aktif dalam politik. Jika sekitar kurun ke-19 Makkah dan sekitarnya menjadi pilihan untuk belajar, dekad 1920-an menyaksikan Universiti al-Azhar semakin

<sup>184</sup> Kedua-duanya juga merupakan pelarian politik Belanda. Ahmad Lutfi telah menetap di Masjid Wad Kit dan Abdul Latif menyertai Abdullah Amini di Kaodin. Lihat Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 154.

<sup>185</sup> Ibid., hlm. 155.

<sup>186</sup> Ibid., hlm. 156.

<sup>187</sup> Surin Pitsuwan, *Islam and Malay Nationalism*, hlm. 45.

menjadi tumpuan.<sup>188</sup> Sistem pendidikan ini membolehkan pembangunan pemikiran dalam politik dan agama terutama idea-idea Muhammad Abduh.<sup>189</sup> Apabila mereka pulang ke tanahair, mereka melihat satu keperluan untuk membangunkan umat Islam yang sedang dalam kemerosotan akibat kelemahan dalaman dan penjajahan. Kesinambungan ini berterusan sehingga 1970-an di mana para pelajar yang pulang dari Timur Tengah membawa bersama mereka pemikiran pembaharuan yang digelar ‘Khana Mai’.<sup>190</sup>

Persoalan kepimpinan mula muncul selepas Perang Dunia Kedua. Para ulamá yang kembali ini nyata tidak berpengalaman berhadapan dengan para birokrat Thai. Era selepas perang juga menyaksikan golongan diraja Patani dilihat seolah-olah putus asa untuk meneruskan perjuangan.<sup>191</sup> Berdasarkan masalah ini, pemimpin yang dilantik perlu dari golongan ulamá yang dihormati dan mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan Thai. Kritirea ini ada pada Haji Sulong.<sup>192</sup> Beliau bukan sahaja seorang tokoh yang disenangi oleh masyarakat Melayu, malah turut dihormati oleh golongan birokrat Thai tempatan.

Haji Sulong dilihat sebagai calon yang amat sesuai dalam mengetuai gerakan politik ini. Kemuncak sokongan masyarakat Melayu Patani terhadap beliau dapat dilihat apabila dilantik sebagai pengurus Majlis Ugama Islam Wilayah Pattani selepas terwartanya Akta Islam 1943. Jawatan tersebut merupakan jawatan yang tertinggi berkenaan hal-ehwal Islam di Selatan Thai.

---

<sup>188</sup> Virginia Matheson dan M.B. Hooker, “Jawi Literature in Patani”, hlm. 14.

<sup>189</sup> Ibid.

<sup>190</sup> Ahmad Omar Chapakia, *Politik Thai dan Masyarakat Islam*, hlm. 35. Golongan ulamá tradisional digelar sebagai ‘Khana Kau’.

<sup>191</sup> Nantawan Haemindra, “The Problem of Thai Muslim-Muslims in the Four Southern Provinces of Thailand (Part II)”, hlm. 197-225.

<sup>192</sup> Surin Pitsuwan, *Islam and Malay Nationalism*, hlm. 146.

Corak perjuangan Haji Sulong berteraskan idea dan perjuangan politik berteraskan Islam. Kompromi terhad dengan pegawai-pegawai Thai umpamanya merupakan satu strategi politik yang baik. Ia dapat membantu survival sebuah masyarakat minoriti dalam berjuang mengekalkan identiti mereka dalam menghadapi cabaran kelompok majoriti. Begitu juga dengan penerimaan beliau atas permintaan ramai untuk mengambil alih jawatan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam yang sebenarnya membolehkan beliau mempunyai autoriti untuk memimpin dan sekaligus memperbaiki kondisi ummah.